

RINGKASAN
SIFAT HAJI DAN UMRAH
MENURUT
AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Disediakan oleh:
Kementerian Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Irshad

PENGENALAN

Alhamdulillah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda.

Sesungguhnya haji ialah satu rukun daripada rukun-rukun Islam yang diwajibkan oleh Allah ke atas hambaNya. Firman Allah Taala: *«Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.»* [Ali Imran: 97] dan hadis riwayat Al-Bukhari (8), Muslim (16), dari Abdullah bin Umar RA dia berkata Nabi SAW bersabda: *Islam dibina di atas lima perkara: penyaksian bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, menunaikan zakat, menunaikan haji dan puasa Ramadan.*

Kementerian Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Irshad, Kerajaan Arab Saudi bertujuan memberi perkhidmatan kepada para muslimin yang ingin menunaikan haji ke Baitullah al-Haram, orang yang mengerjakan umrah, pengunjung Masjid Nabawi untuk melaksanakan kerja haji dan umrah mengikut al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW serta mengikut jejak langkah para sahabat yang mulia serta apa yang disepakati oleh jumhur ulamak Islam. Lantaran itu, kementerian ini mengambil langkah menyediakan buku panduan ringkas ini untuk tujuan haji dan umrah.

Buku ini merupakan ringkasan yang menerangkan haji dan umrah menurut kacamata al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW dan

amalan yang dilakukan oleh para sahabat serta disepakati oleh para ulamak.

Kami bahagikannya kepada beberapa bab seperti berikut:

Bab Pertama: Definisi Haji, Hukum dan Hikmah Pensyariatannya.

Bab Kedua: Perjalanan Haji dan Adab-adabnya.

Bab Ketiga: Syarat Mengerjakan Haji

Bab Keempat: Mawaqit (Miqat) Haji dan Umrah

Bab Kelima: Jenis-jenis Haji

Bab Keenam: Sembelihan Dalam Haji dan Sifatnya

Bab Ketujuh: Perkara Dilarang Semasa Ihram

Bab Kelapan: Fidyah Bagi Kesalahan Semasa ihram

Bab Kesembilan: Sifat Umrah

Bab Kesepuluh: Rukun dan Wajib Haji

Bab Kesebelas: Sifat Haji

Bab Kedua Belas: Menziarahi Masjid Nabawi

Buku ini diberi judul:

Ringkasan Sifat Haji dan Umrah Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah

BAB PERTAMA: DEFINISI HAJI, HUKUM DAN HIKMAH PENSYARIATANNYA

Definisi haji dari segi bahasa: Niat

Dari segi syarak: Berniat menuju ke Mekah dan tempat yang dikhususkan untuk tujuan tertentu pada masa tertentu.

Hukumnya: Wajib dilakukan sekali seumur hidup, bagi setiap individu yang cukup syarat wajib ke atas dirinya dan tidak terdapat sebarang halangan. Jika dia memilih untuk menangguhkan maka dikira berdosa.

Dalil kefarduan: Kewajipan haji disabitkan dalam al-Quran, al-hadis dan ijmak.

Dari al-Quran, firman Allah Taala: **وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ** وَإِلَيْهِ سَبِيلًا « Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. »

Manakala dari as-Sunnah: Hadis Abu Hurairah RA: Rasulullah SAW berkhutbah kepada kami sabdanya: *Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah memfardukan ke atas kamu haji, maka tunaikanlah haji. Seorang lelaki bertanya: Adakah pada setiap tahun wahai Rasulullah? Baginda diam tidak menjawab sehingga lelaki itu mengulangi soalnya tiga kali. Rasulullah kemudian menjawab: Jika aku katakan ya nescaya ia akan menjadi wajib dan kamu tidak mampu melakukannya. Baginda menyambung: Ikutlah aku apa yang aku arahkan kamu. Sesungguhnya binasa orang yang terdahulu daripada kamu dengan banyak bertanya dan menentang nabi-nabi mereka. Apabila aku menyuruh sesuatu maka*

*lakukanlah sekadar yang kamu mampu. Apabila aku tegah dari sesuatu maka tinggalkannya.*¹

Ulamak bersepakat atas kewajipan haji sekali seumur hidup.²

Hikmah dari kefarduan haji yang menjadi tujuan utama Allah menciptakan makhluknya, mengutuskan para rasul, menurunkan kitab, mensyarakkan syariat ialah mentauhidkan Allah dan mengikhlaskan ibadah hanya untukNya sahaja dan tiada sekutu bagiNya. Hal ini terserlah dalam ibadah haji. Tujuan utama pensyariatan haji ke atas hamba-hamba ialah mentauhidkan Allah, mengikhlaskan ibadah kepadaNya, dan tidak mensyirikkanNya. Dalam syiar haji yang sering diucapkan: *لبيك اللهم لبيك*, *لبيك لا شريك لك لبيك*, *إن الحمد والنعمة لك والملك، لا شريك لك*.

Maka wajib ke atas semua manusia dan jin untuk melakukan semua ibadah kepada Allah sahaja tanpa menyekutukanNya. Barang siapa yang menyembah selain Allah maka dia telah menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Allah berfirman: *«Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu»* (Al-Dhariyat: 56) serta firman Allah lagi: *إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ*

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1337).

² Diriwayatkan oleh ramai ahli ilmu antaranya: An-Nawawi dalam Al-Majmuk (7/7) dan Ibnu Qudamah dalam Al-Mughni (5/6).

إِنَّمَا عَظِيمًا «*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apapun), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar*» (An-Nisa': 48). Juga firman Allah Taala: وَقَالَ الْمَسِيحُ بَنِي إِسْرَءِيلَ اْعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ إِنَّهُ مَن يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ «*Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Maryam". Padahal Al-Masih sendiri berkata: "Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu. Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim"*» (Al-Ma'idah: 72).

Ibadah: Satu takrifan lengkap bagi setiap perkara yang disukai Allah dan diredaiNya sama ada pertuturan atau perbuatan yang zahir atau tersembunyi seperti solat, zakat, puasa, haji, doa, khushyuk, takut, harapan, tawakal, memohon pertolongan, rezeki, dan ibadah-ibadah lain.

BAB KEDUA: PERJALANAN HAJI DAN ADAB-ADABNYA

Definisi perjalanan haji dari segi bahasa: Melakukan perjalanan.

Dari segi syarak: Berniat melakukan perjalanan jauh, (pada pandangan popular) 16 *farsakh* (lebih kurang empat *burud*, sejenis sukatan lama). Dalam kiraan metrik perbatuan bersamaan 48 batu atau lebih kurang 80 kilometer. Dari segi hari, ia bersamaan dua hari perjalanan dengan kecepatan sederhana bersama muatan dan binatang tunggangan dengan berjalan kaki. Imam Al-Bukhari RH berkata: *Nabi SAW menamakan sehari semalam perjalanan sebagai as-sair*.¹ Ibnu Abbas dan Ibnu Omar RA membataskan as-sair kepada empat *burud* iaitu 16 *farsakh*²)³.

Perjalanan jauh dilakukan bagi tujuan-tujuan berbeza; sama ada berbentuk keagamaan atau keduniaan.

Hukumnya: Hukumnya bergantung kepada tujuan perjalanan jauh itu dilakukan. Sekiranya untuk tujuan ibadah maka ia adalah wajib seperti perjalanan haji fardu.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1088), Muslim (1339)(421) dari hadis Abu Hurairah RA dia berkata, Nabi SAW bersabda: *Tidak halal bagi wanita yang beriman dengan Allah dan hari akhirat untuk bermusafir perjalanan sehari semalam tanpa bersamanya mahram*. Ini ialah lafaz Al-Bukhari. Manakala lafaz Muslim: *Tidak halal bagi wanita yang beriman dengan Allah dan hari akhirat untuk bermusafir perjalanan sehari semalam kecuali bersamanya seorang mahram*.

² Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam Al-Muwatta' (11-15), Abdul Razzaq dalam Musannafnya (2/524-525), Ibnu Abi Syaibah dalam Musnafnya (2/200-202) dan perawi lain.

³ Sahih Al-Bukhari (2/43). Lihat Fathul Bari oleh Ibn Hajar (566/2).

Sekiranya bertujuan untuk ibadah sunat maka hukumnya adalah sunat seperti perjalanan mengerjakan umrah sunat dan menziarahi Masjid Nabawi. Manakala, jika bagi perkara yang diharamkan maka hukumnya juga harus seperti perjalanan untuk perniagaan yang diharamkan.

Sebaliknya jika bagi tujuan yang makruh seperti perjalanan jauh berseorangan kecuali atas perkara mustahak. Hukumnya juga boleh menjadi haram sekiranya bagi tujuan yang diharamkan oleh agama seperti perjalanan melakukan maksiat.

Antara adab dalam perjalanan mengerjakan haji:

1. Mengikhlaskan niat kerana Allah azza wajalla sahaja, sama ada semasa perjalanan, semasa mengerjakan haji, perkataan yang diucapkan dan segala perbuatan dengan niat mencapai keredaan Allah Taala.
2. Melakukan semua perkara yang diwajibkan Allah ke atasnya seperti solat fardu lima waktu, menjauhi perkara-perkara haram, memperbanyakkan perkara sunat dan menjauhi perkara makruh.
3. Berusaha mencari teman perjalanan yang soleh, menasihati mereka, menggalakkan mereka melakukan perkara kebaikan, melarang mereka dari perkara mungkar, dan menyeru mereka dengan penuh hikmah dan nasihat berguna.
4. Mengucapkan selamat tinggal kepada ahli keluarga dan orang tersayang. Menulis wasiat terutamanya bagi yang wajib diberi hak ke atas mereka.
5. Menghiasi keperibadian dengan akhlak terpuji seperti ringan tulang, berkongsi ilmu pengetahuan dan harta. Sentiasa membantu orang yang memerlukan bantuan dengan curahan ilmu pengetahuan bagi yang

memerlukan. Juga tidak kedekut dengan hartanya dengan membelanjakannya untuk kebaikan dirinya atau saudara yang lain dan keperluan mereka. Dia juga perlu banyak bersabar atas sebarang kerenah temannya, akhlak buruknya, perangnya dengan cara berusaha memperlihatkan kasih sayang terhadap mereka.

6. Mempelajari hukum hakam haji dan umrah dengan penekanan terhadap sumber rujukan yang sahih berdasarkan dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah serta amalan yang ditunjukkan oleh golongan salaf yang terdahulu daripada para sahabat, tabiin dan pemimpin agama yang terdahulu. Begitu juga menjauhi buku-buku yang mengajak ke arah bidaah dan khurafat serta karut marut seperti buku-buku yang menggalakkan untuk menziarahi masjid-masjid atau tempat-tempat tertentu yang tidak disyariatkan seperti dua Masjid Haram, tempat melaksanakan ibadah haji (masyair haji) atau menetapkan doa-doa khusus ketika tawaf dan saie dan sebagainya yang langsung tiada sebarang dalil syarie baginya.

7. Menitik beratkan amalan berzikir dan berdoa seperti yang disyarakkan pada waktu, tempat dan keadaan sebagaimana terdapat dalam dalil seperti doa bermusafir yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abdullah bin Umar RA: *Bahawa Rasulullah SAW apabila menaiki untanya untuk keluar bermusafir baginda bertakbir tiga kali kemudian membaca:* سبحان الذي سخر لنا هذا، وما كنا له مقرنين، وإنا إلى ربنا لمنقلبون، اللهم إنا نسألك في سفرنا هذا البر والتقوى، ومن العمل ما ترضى، اللهم هون علينا سفرنا هذا، واطو عنا بعده، اللهم أنت الصاحب في السفر، والخليفة في الأهل، اللهم إني أعوذ بك من وعاء

السَّفَرِ، وَكَأَبَةِ الْمَنْظَرِ، وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ dan apabila baginda pulang baginda membaca: «آيِبُونَ تَائِبُونَ عَابِدُونَ لِرَبِّنَا حَادُونَ»¹.

Adalah menjadi sunnah apabila setiap kali baginda melalui tempat tinggi baginda bertakbir dan apabila menuruni lembah baginda bertasbih. Dari Jabir bin Abdullah RA, katanya: *Kami apabila mendaki bukit kami bertakbir dan apabila menuruni lembah kami bertasbih.*²

Manakala apabila baginda menuruni lembah baginda membaca أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. Barang siapa menuruni bukit lalu membaca doa tersebut tiada sebarang kejahatan alan menyimpannya sehinggalah dia melewati tempat tersebut. Daripada Khaulah binti Hakim Al-Sulamiyyah RA dia berkata aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: *Barang siapa menuruni bukit lalu membaca أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ tiada sebarang kejahatan alan menyimpannya sehinggalah dia melewati tempat tersebut.*³

8. Orang yang mengerjakan haji dan umrah mesti menjaga peraturan dan tatacara khusus bagi haji dan umrah dengan mematuhi perintah Allah Taala yang memerintahkan agar patuh juga kepada pemerintah sebagaimana firman Allah Taala: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَأَطِيعُوا رَسُولَ اللَّهِ وَأَطِيعُوا أَوْلِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ» Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.» (Al-Nisa': 59). Begitu

¹ Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya (1342).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dalam Sahihnya (2339).

³ Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya (2708).

juga sabda Rasulullah SAW: *Wajib ke atas seorang muslim untuk mendengar dan taat (kepada pemerintah) selagi mana bertepatan dengan apa yang Allah suka atau benci kecuali jika disuruh untuk membuat maksiat kepada Allah*¹. Keperluan untuk mematuhi peraturan adalah demi kebaikan setiap muslim dan menghalang berlaku kerosakan kepada orang yang mengerjakan haji dan umrah.

9. Sahibus samahah Syeikh Abdul Aziz bin Baz Rahimahullah Taala berkata: *Wajib ke atas orang yang mengerjakan haji (semoga Allah memberi taufik kepada mereka) untuk berpegang dengan peraturan yang dikenakan oleh kerajaan demi maslahah orang yang mengerjakan haji kerana Allah Subhanahu wa Taala mewajibkan patuh dan taat kepada pemimpin dalam perkara kebaikan (makruf), dan peraturan yang dilaksanakan oleh kerajaan ke atas orang haji ialah sebahagian daripada makruf yang dimaksudkan. Sebaliknya, jika peraturan itu dilanggar ia dianggap maksiat dan mengurangkan pahala*.² Antaranya ialah peraturan pencegahan untuk menghalang penyebaran wabak yang menjadi salah satu alasan kukuh untuk dibenarkan oleh syarak.

¹ Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya (2708).

² Himpunan fatwa dan pelbagai makalah (17/155).

BAB KETIGA: SYARAT MENGERJAKAN HAJI

Definisi syarat mengerjakan haji dari segi bahasa: Tanda.

Dari segi istilah: Apa yang menjadi tidak perlu apabila tiada dan menjadi perlu apa dipenuhi.¹

Haji adalah tidak wajib melainkan apabila memnuhi syarat-syaratnya, iaitu lima syarat:

Syarat Pertama: Islam. Seseorang yang ingin mengerjakan haji mestilah seorang muslim. Jika dia seorang kafir maka tiada kewajipan baginya malah tidak sah haji tersebut sekiranya dilakukan. Begitu juga halnya dengan semua ibadah yang lain tidak akan diterima kecuali daripada seorang muslim. Allah berfirman: *وَمَا مَنَعَهُمْ أَنْ تُقْبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَتُهُمْ إِلَّا أَنَّهُمْ كَفَرُوا* *«Dan tidak ada yang menghalangi mereka, untuk diterima derma-derma mereka melainkan kerana mereka kufur kepada Allah dan RasulNya, dan (kerana) mereka tidak mengerjakan sembahyang melainkan dengan keadaan malas dan mereka pula tidak mendermakan hartanya melainkan dengan perasaan benci»* (At-Taubah: 54).

Syarat Kedua: Berakal. Orang gila tidak diwajibkan mengerjakan haji serta tidak sah jika dilakukan kerana ia memerlukan niat yang tidak mungkin dilakukan oleh seorang yang gila. Dari Aisyah RA bahawa Nabi SAW

¹ Lihat: At-Tahbir Syarah At-Tahrir (3/1061-1067).

bersabda: *Terlepas kewajiban daripada tiga keadaan: daripada orang yang tidur sehingga dia tersedar, daripada kanak-kanak sehingga dia baligh dan dari orang gila sehingga dia kembali waras.*¹

Syarat Ketiga: Akil Baligh. Haji tidak wajib ke atas orang di bawah umur sebagaimana hadis terdahulu daripada Aishah. Terlepas kewajiban daripada tiga keadaan: daripada orang yang tidur sehingga dia tersedar, daripada kanak-kanak sehingga dia baligh dan dari orang gila sehingga dia kembali waras.

Walau bagaimanapun, haji tetap sah dan diterima daripada kanak-kanak di bawah umur sebagaimana hadis Abdullah bin Abbas RA bahawa Nabi SAW bertemu Rakban di Al-Rauha' lalu baginda bertanya: *Siapa mereka? Mereka menjawab: Orang-orang Islam. Mereka kemudian bertanya siapa kamu? Baginda menjawab: Rasulullah. Lantas seorang wanita menjulang seorang bayi dan bertanya: Adakah bagi bayi ini pahala haji? Rasulullah menjawab: Ya dan bagi engkau juga (pahala).*²

Hadis ini menjadi dalil bahawa haji oleh kanak-kanak di bawah umur diterima dan diberi pahala kepadanya dan orang tuanya. Namun, kefarduan haji ke atas dirinya masih belum terbayar maka dia tetap

¹ Diriwayatkan oleh Ahmad dalam Al-Musnad (41/224/24694), Ad-Darimi dalam Musnadnya (2/225), Abu Daud dalam Sunnahnya (4398), Ibnu Majah dalam Sunnahnya (2041) dan An-Nasaie dalam Sunnah (3432).

² Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya (1336), Al-Rauha': satu tempat yang terletak 30 batu dari Madinah (lebih kurang 75 km). Rujuk Atiq Al-Biladi (Mu'jam Maalim Al-Jughrafiyyah hlm. 164).

berkewajiban melakukannya apabila baligh. Dia juga wajib mematuhi peraturan haji sebagaimana orang dewasa dan menjauhi perkara yang diharamkan semasa haji.

Syarat Keempat: Merdeka. Tidak wajib melakukan haji ke atas orang yang dimiliki mengikut pendapat ijmak ulamak. Hal ini disebabkan ketidakmampuannya. Sekiranya dia melakukan haji ia tetap sah tetapi kefarduannya masih tergantung.

Syarat Kelima: Kemampuan Badan dan Harta. Orang yang ingin mengerjakan haji mestilah berkemampuan fizikal untuk melakukan perjalanan haji ke Mekah dan menyempurnakan kerja haji (manasik haji). Dia juga mesti berkemampuan dari segi harta untuk menampung kos perjalanan dan perbelanjaan. Harta ini selain daripada bayaran hutang dan nafkah perbelanjaan kepada ahli keluarga yang ditinggalkan selain daripada keperluan makanan, minuman, pakaian, rumahtangga, tempat tinggal dan yang berkaitan kerana firman Allah Taala: *وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ* «Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu)» (Ali Imran: 97). Antara kos haji ialah bayaran kepada pengendali haji jika dia mengerjakannya melalui pengendali haji. Sekiranya tidak mampu dia dianggap tidak berkemampuan.

Jika seseorang itu tidak berkemampuan dari segi harta maka tidak menjadi wajib ke atasnya. Begitu juga jika dia mampu dari segi harta tetapi tidak mampu dari segi kesihatan fizikal maka tidak wajib ke atasnya

menunaikan haji. Dalam keadaan tidak mampu dari segi fizikal ada dua keadaan:

Keadaan pertama: Sekiranya dia tidak mampu disebabkan satu keuzuran yang boleh sembuh, hendaklah dia menunggu sehingga kembali sihat contohnya akibat sakit. Apabila sembuh barulah dia melakukan haji pada waktu lain.

Keadaan kedua: Jika dia tidak mampu dan dijangka tidak akan sembuh seperti sakit tua dan penyakit kronik yang sukar sembuh maka dia hendaklah mewakilkan orang lain untuk menunaikan haji bagi pihak dirinya. Hal ini berdasarkan dalil daripada hadis Abdullah bin Abbas RA yang berkata: Seorang wanita dari Khath'am datang bertemu Nabi SAW lalu berkata: *Wahai Rasulullah, sesungguhnya kefarduan Allah diletakkan ke atas hambanya dalam bab haji tetapi bapaku sangat tua tidak lagi mampu untuk menunggang. Bolehkah aku membuat haji baginya? Baginda menjawab: Ya. Kejadian itu berlaku ketika haji Wada'.*¹

Terdapat syarat tambahan kepada wanita dari segi kemampuan iaitu mesti diiringi oleh seorang mahram yang menemani dalam perjalanan haji. Maka tidak wajib ke atasnya menunaikan haji sekiranya tidak mempunyai mahram kerana wanita tidak boleh bermusafir bersendirian tanpa mahram. Dalil perkara tersebut ialah hadis Abdullah bin Abbas RA,

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1513) dan Muslim (1334).

katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW berkhotbah: *Janganlah seorang lelaki berada bersama seorang wanita kecuali dia bersama mahramnya dan jangan seorang wanita bermusafir kecuali bersama mahramnya. Seorang lelaki bangun bertanya: Wahai Rasulullah, isteriku telah keluar untuk menunaikan haji sedangkan aku ditugaskan untuk keluar berperang. Baginda menjawab: Bergerak sekarang dan tunaikan haji bersama isterimu.*¹

Mahram tersebut mestilah seorang yang akil baligh dan tidak cukup syarat jika dia masih kanak-kanak atau belum cukup umur.

Antara mahram ialah suami wanita tersebut, mana-mana lelaki yang haram dinikahnya sama ada atas hubungan darah, penyusuan atau pernikahan.

Demikian juga termasuk dalam bab kemampuan melakukan haji ialah keselamatan perjalanan haji. Sekiranya perjalanan tidak selamat maka tidak wajib melakukan haji. Begitu juga jika ditakuti penyebaran wabak atau seumpamanya yang boleh memudaratkan orang yang ingin mengerjakan haji ke atas dirinya atau hartanya maka tidak wajib baginya haji sehingga keadaan mengizinkan.

Persoalan Kebenaran Menunaikan Haji (Visa Haji)

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (3006) dan Muslim (1431).

Tempat mengerjakan haji ada batasannya. Mustahil untuk menempatkan bilangan orang mengerjakan haji yang amat besar. Oleh sebab itu, bilangan peserta haji mesti dikawal dan diuruskan agar selamat dan terkawal dan tidak terdedah kepada bahaya. Lebih-lebih lagi kerana terdapat ramai peserta haji dalam kalangan yang lemah. Dari sinilah terdapat keperluan untuk mengehadkan bilangan peserta haji yang datang dari luar Arab Saudi di samping peserta haji tempatan yang dihadkan kepada sekali dalam setiap lima tahun. Jawatankuasa Ulamak Besar Saudi telah mengeluarkan keputusan untuk membenarkan pengehadan bilangan Jemaah haji sebagaimana diamalkan sekarang. Maka wajib ke atas semua peserta haji mengikut peraturan ini dan tidak mengingkarinya kerana ingkar itu ialah satu maksiat.

Siapa yang memenuhi semua syarat haji tetapi tidak mendapat kebenaran disebabkan kuota bilangan haji dari negaranya telah penuh atau disebabkan kesempitan masa untuk mengeluarkan visa haji atau pun atas sebab-sebab lain, maka dia dianggap tidak berkemampuan. Kewajipan haji tidak jatuh ke atas dirinya sehinggalah dia berjaya mendapat visa dengan cara yang sah.

BAB KEEMPAT: MAWAQIT (MIQAT) HAJI DAN UMRAH

Mawaqit: Kata jamak kepada Miqat. Asalnya ia bermaksud *waktu berlaku sesuatu perbuatan* dan digunakan juga kepada *tempat berlaku sesuatu perbuatan*.

Ada dua jenis Miqat: Masa (*zamaniyyah*) dan Tempat (*makaniyyah*).

Miqat Masa: Bagi umrah tiada batasan masa tertentu. Ia boleh dilakukan sepanjang tahun sama ada siang atau malam bila-bila masa sahaja yang dikehendaki oleh seseorang muslim apabila keadaan mengizinkan. Manakala bagi haji, ia mempunyai miqat masa sebagaimana firman Allah dalam kitabNya **الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ ۖ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ** (Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji» (Al-Baqarah: 197).

Telah sabit dari Ibnu Umar RA bahawa dia berkata: *Bulan-bulan haji itu ada empat: Syawal, Zulkaedah, dan 10 hari dalam Zulhijjah.*¹

¹ Al-Bukhari memberi komentar dalam Sahihnya (1/481) dan sampai kepada Said bin Mansur (3/787) dan lain-lain. Disahihkan oleh Ibnu Kathir dalam Tafsirnya (1/542) dan Ibnu Hajar dalam Fathul Bari (3/420).

Maka haji tidak boleh dilakukan di luar waktu yang dihaskan baginya. Sekiranya seorang muslim berihram pada bulan Ramadan maka tidak sah hajinya kerana ia dilakukan di luar waktunya dan akan bertukar menjadi umrah. Begitu juga tidak diterima ihram haji selepas terbit fajar hari Nahar (hari ke-10 Zulhijjah).

Miqat Tempat: ialah tempat-tempat yang dihadkan oleh syariat untuk mula berihram iaitu lima miqat yang ditetapkan oleh Nabi SAW. Dari Abdullah bin Abbas RA katanya: *Rasulullah SAW menetapkan miqat bagi orang Madinah di Zulhulaifah, bagi orang Syam di Al-Juhfah, bagi orang Najd, di Qarnulmanazil dan bagi orang Yaman, di Yalamlam. Maka itu miqat bagi mereka dan juga bagi mereka yang datang dari arah tersebut sedangkan dia bukan berasal dari tempat tersebut bagi menunaikan haji atau umrah. Selain itu, maka miqat mereka tempat keluarga mereka dan demikian juga penduduk Mekah maka mereka bermiqat dari rumah masing-masing.*¹

Dari Aishah RA katanya: *Penduduk Iraq bermiqat di Zata Irb.*²

Dari Abdullah bin Umar RA katanya: *Apabila dibuka Al-Misrani (dua Mesir yakni Kufah dan Basrah di Iraq) mereka telah datang kepada Umar lalu bertanya: Wahai Amirul Mukminin: Sesungguhnya Rasulullah*

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1526) dan Muslim (1181).

² Diriwayatkan oleh Abu Daud (1739) dan An-Nasaie (2653).

SAW menetapkan kepada penduduk Najd Qarnulmanazil tetapi ia jauh dari laluan kami. Sekiranya kami ingin lalu Qarnulmanazil amat sukar bagi kami lalu Umar menjawab: Lihatlah yang paling dekat dengan jalan kamu, maka Umar menetapkan Zata Irb.¹

Ulamak bersepakat tentang lima miqat ini sebagaimana berikut:

Miqat Pertama: Zulhulaifah. Juga dinamakan Bir Ali (Telaga Ali) iaitu miqat penduduk Madinah dan sesiapa yang lalu melalui jalan tersebut. Ia ialah miqat yang paling jauh dari Mekah sejauh 435 km dari arah utara.²

Miqat Kedua: Al-Juhfah. Iaitu miqat penduduk Syam dan sesiapa yang melalui jalan tersebut. Ia terletak 167 km dari Mekah dari arah barat daya.

Miqat Ketiga: Qarnulmanazil. Juga dinamakan Al-Sail Al-Kabir (perairan besar) iaitu miqat penduduk Najd dan sesiapa yang lalu melalui jalan tersebut. Ia ialah miqat yang paling dekat dari Mekah yang berjarak 75 km sahaja dari arah timur.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1531).

² Rujuk penentuan jarak antara miqat-miqat dan Mekah oleh Dr. Badr Ad-Din Yusuf Muhammad Ahmed (*Mawaqit Alhaj Almakaniyyah, Dirasah Fi Aljughrafia Wa Mafhum Al-Muhadhah*).

Terdapat di sebelahnya miqat Wadi Muharram iaitu miqat tertinggi di Qarnulmanazil di tempat bernama Al-Huda yang terletak 67 km dari Mekah.

Miqat Keempat: Yalamlam. Juga diamakan As-Sa'diyyah iaitu miqat penduduk Yaman dan sesiapa yang melalui jalan tersebut. Ia terletak 100 km dari Mekah dari arah selatan.

Miqat Kelima: Zata Irb. Sekarang dipanggil Al-Daribah iaitu miqat penduduk Iraq dan sesiapa yang melalui jalan tersebut. Ia terletak 100 km dari Mekah dari arah timur laut.

Sesiapa yang tidak melalui mana-mana jalan di atas dan jauh dari miqat itu maka dia mula berhram pada miqat yang terdekat.

Miqat Orang yang Tinggal Lebih Dekat dengan Mekah dari Miqat Rasmi:

Miqatnya ialah rumahnya sendiri. Maka dia berhram dari rumah dan tidak melebihnya seperti penduduk Jeddah, Bahrah dan Al-Syara' di sempadan Tanah Halal.

Miqat penduduk Mekah: Ketika haji dari Mekah sendiri maka mereka berhram dari rumah mereka. Manakala untuk umrah maka dia berhram dari sempadan Tanah Halal. Jadi, dia hendaklah keluar dari Tanah Haram dan berhram dari sana sebagaimana arahan Nabi SAW kepada Aishah RA ketika dia di Mekah dan hendak berhram bagi menunaikan umrah dari luar Tanah Haram. Nabi SAW memanggil Abdulrahman bin Abu Bakar

RA lalu bersabda: *Keluar dengan saudara perempuanmu dari Tanah Haram, bersedia untuk umrah kemudian bergeraklah sehingga kamu tiba ke sini. Sesungguhnya aku menunggu kamu berdua sehingga kamu sampai.*¹

Tidak dibolehkan kepada sesiapa yang melalui miqat-miqat ini sedangkan dia berniat melakukan haji atau umrah untuk melepasi miqat tanpa memakai ihram.

Peringatan kepada penumpang kapal terbang: Sekiranya dia menaiki kapal terbang dan berniat melaksanakan haji atau umrah maka wajib baginya memakai ihram apabila melalui miqat dari atas. Maka dia perlu bersedia dan memakai pakaian ihram sebelum tiba di miqat. Apabila tiba di miqat hendaklah bersegera melafazkan niat dan harus baginya berniat ihram sebelum memasuki miqat jika khuatir akan terlepas miqat akibat tertidur atau tidak dimaklumkan oleh krew kapal terbang.

Tidak boleh melewati niat dengan sengaja sehingga mendarat di lapangan terbang Jeddah kerana itu dianggap maksiat kepada Rasulullah SAW serta diharamkan.

Sesiapa yang terlepas miqat ini sedangkan dia mahu mengerjakan haji atau umrah maka wajib kembali ke miqat dan berihram semula. Siapa yang berihram selepas miqat sama ada dalam perjalanan atau telah tiba di Mekah maka dia dianggap melakukan maksiat kepada Allah dan Rasulullah SAW, melanggar batasan Allah Subhanahu wa Taala sebagaimana firmanNya: *وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا* » Dan sesiapa yang tidak

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1560) dan Muslim (1211).

taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata» (Al-Ahzab: 36) dan firman Allah Taala: وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ «Dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim» (Al-Baqarah: 229) dan wajib membayar dam iaitu menyembelih seekor kambing di Mekah yang perlu dibahagikan kepada orang-orang fakir di Tanah Haram. Dia juga wajib bertaubat, memohon ampun, menyesal dan berazam untuk tidak mengulanginya lagi.

BAB KELIMA: JENIS-JENIS HAJI

Jenis-jens haji ada tiga:

Jenis Pertama: Haji Tamattuk

Makna Tamattuk ialah berehat dari kerja umrah sebelum haji. Iaitu seseorang berihram dalam bulan haji dengan umrah sahaja kemudian melengkapkannya dengan tawaf, saie dan menggunting serta bertahallul dari ihramnya. Dari situ dia bebas untuk melakukan apa yang dimahukannya selagi dihalalkan oleh Allah dan tiada lagi larangan baginya kerana dia telah bertahallul dari umrahnya. Cuma dia tidak boleh pulang ke tempat asalnya kerana menunggu untuk berihram semula bagi menunaikan haji apabila tiba waktunya pada tahun yang sama.

Sekiranya dia berihram umrah sebelum masuk Syawal dan berada di Mekah kemudian menunaikan haji pada tahun yang sama maka ia tidak dikira Tamattuk kerana dia berihram umrah sebelum masuk bulan haji.

Sekalipun dia berihram umrah selepas masuk bulan Syawal tetapi melakukan haji pada tahun kedua maka tidak dianggap haji Tamattuk kerana umrah dan haji dilakukan pada dua tahun yang berbeza.

Sekiranya dia berihram umrah pada bulan haji dan bertahallul kemudian dia pulang ke negara asalnya dan kembali semula untuk mengerjakan haji dengan ihram haji yang baharu ia tidak dipanggil Tamattuk kerana dia memisahkan haji dengan perjalanan yang berasingan.

Haji Kedua: Haji Qiran

Maknanya: Menggabungkan antara haji dan umrah bersama. Iaitu apabila seseorang itu berihram umrah dan haji serentak atau berihram umrah dahulu kemudian memasukkan niat haji sebelum melakukan tawaf. Apabila dia tiba di Mekah dia melakukan Tawaf Qudum (Tawaf Selamat Datang) yang merupakan sunnah kemudian bersaie antara Safa dan Marwah untuk umrah dan haji yang merupakan satu rukun. Seterusnya dia meneruskan ihramnya sehingga bertahallul pada hari raya.

Harus baginya untuk melewati saie dari tawaf Qudum sehingga selepas tawaf haji lebih-lebih lagi sekiranya ketibaannya ke Mekah lewat dan khuatir terlepas haji sekiranya melakukan saie.

Haji Ketiga: Haji Ifrad

Iaitu apabila seseorang itu berihram haji sahaja iaitu berasingan tanpa berniat umrah. Apabila tiba di Mekah dia melakukan tawaf Qudum, bersaie haji dan meneruskan ihramnya sehingga bertahallul pada hari raya.

Harus baginya melewati saie sehingga selepas tawaf haji seperti haji Qiran.

Dari sini jelaslah bahawa haji Ifrad dan Qiran sama dalam semua kerja haji kecuali pada niat dan haji Qiran memerlukan sembelihan kerana terdapat dua jenis haji tidak sebagaimana haji Ifrad.

Jenis Haji Terbaik

Jenis haji terbaik ialah haji Tamattuk kerana Nabi SAW menyuruh para sahabat melakukannya dan menggalakkan mereka bahkan baginda menyuruh mereka menukar niat haji kepada umrah untuk membuat haji Tamattuk.

Dari Aishah RA katanya: *Kami keluar bersama Rasulullah SAW pada baki lima hari terakhir dari Zulkaedah dan kami tidak melihat kecuali untuk tujuan haji sehingga apabila kami tiba di Mekah Rasulullah SAW menyuruh siapa yang tidak mempunyai sembelihan apabila dia tawaf di Kaabah, dan di antara Safa dan Marwah hendaklah dia bertahallul.*¹

Dan dari Jabir bin Abdullah RA bahawa Nabi SAW bersabda: *Jika aku menerima urusanku aku tidak akan membuat sembelihan. Aku jadikannya umrah. Siapa yang tiada bersamanya sembelihan maka hendaklah dia bertahallul dan menjadikannya umrah.*² Dalam riwayat lain, Rasulullah SAW berdiri dan bersabda: *Kamu telah mengetahui bahawa akulah orang yang paling bertakwa di antara kamu, paling benar dan paling banyak kebaikan. Jika tidak kerana sembelihanku aku akan bertahallul sebagaimana kamu bertahallul maka bertahallullah. Jika aku menerima urusanku aku tidak akan mendahuluinya dengan sembelihan. Maka kami bertahallul sambil dengar dan patuh.*³

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1709) dan Muslim (1211)(125).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1651) dan Muslim (1218)(147).

³ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (7367).

Dua dalil yang jelas ini menerangkan tentang kelebihan haji Tamattuk berbanding dua jenis yang lain kecuali dalam hal sembelihan maka haji Qiran adalah lebih baik sebagaimana dilakukan Nabi SAW.¹

Tamattuk juga lebih mudah ke atas peserta haji kerana dia berpeluang untuk bertahallul antara haji dan umrah.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1651) dan Muslim (1218)(147).

BAB KEENAM: SEMBELIHAN DALAM HAJI DAN SIFATNYA

Sembelihan diwajibkan: Jika memilih melakukan haji Tamattuk dan haji Qiran sahaja. Manakala bagi haji Iفراد tidak wajib membuat sembelihan.

Disyaratkan pada kewajipan sembelihan kepada orang yang mengerjakan haji Tamattuk dan Qiran: tidak tergolong daripada penduduk asal Masjidil Haram iaitu bukan dari penduduk Mekah dan Madinah. Jika mereka berasal dari Mekah atau Tanah Haram maka tidak wajib melakukan sembelihan berdasarkan firman Allah Taala: *ذَلِكَ لِمَنْ لَمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي* *Hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menetap (di sekitar) masjid Al-Haraam (Makkah)*» (Al-Baqarah: 196).

Diwajibkan sembelihan kepada orang yang tinggal di luar Mekah dan Tanah Haram seperti penduduk Jeddah apabila mereka berihram haji Tamattuk dan Qiran kerana mereka bukan tinggal di Masjidil Haram.

Apabila orang yang melakukan haji Tamattuk dan Qiran tidak mampu melakukan sembelihan atau tidak mampu membiayanya disebabkan ketiadaan harta kecuali sekadar keperluan nafkahnya atau kepulangannya ke kampung halaman maka tergugurlah kewajipan sembelihan. Namun, dia wajib berpuasa selama sepuluh hari: tiga hari semasa haji dan tujuh hari lagi apabila pulang ke pangkuan keluarga berdasarkan firman Allah Taala: *فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ* *Maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan Umrah, (dan terus*

menikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat Haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih Dam yang mudah didapati. Kalau ia tidak dapat (mengadakan Dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna.» (Al-Baqarah: 196).

Harus juga baginya untuk berpuasa tiga hari tersebut pada hari Tasyriq iaitu hari kesebelas, kedua belas, dan ketiga belas Zulhijjah. Hal ini berdasarkan kata-kata Aishah dan Ibnu Umar RA: *Tidak diizinkan berpuasa pada hari Tasyriq kecuali kepada orang yang tidak mampu membuat sembelihan.*¹

Lebih afdal jika dia berpuasa tiga hari ini sebelum hari raya Aidil Adha kerana dia sedang berihram haji dan tidak boleh berpuasa pada hari raya. Dari Abu Said Al-Khudri RA: *Bahawa Rasulullah SAW menegah dari berpuasa pada dua hari: Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Nahar (Aidil Adha).*²

Harus juga untuk berpuasa tiga hari tersebut secara berturutan atau berasingan tetapi tidak boleh melenghakannya sehingga ke hari Tasyriq tanpa keuzuran. Sekiranya dia melewatkannya maka dia akan berpuasa selepas itu. Manakala tujuh hari yang berbaki maka dia berpuasa setelah pulang ke pangkuan keluarga yang boleh dilakukan secara

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1997).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1991) dan Muslim (11370 (141).

berturutan atau berasingan kerana Allah Subhanahu wa Taala mewajibkannya tanpa mensyaratkan secara berturutan.

Sifat Sembelihan:

Sembelihan wajib dilakukan dengan binatang ternak seperti unta, lembu, kambing (kibas dan biri-biri) sebagaimana firman Allah: وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَةٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّن بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِيعُوا أَلْبَاسَ الْفَقِيرِ «serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin». (Al-Hajj: 28).

Seekor kambing diperuntukkan untuk sembelihan bagi seorang individu.

Seekor unta atau lembu pula untuk tujuh orang. Dari Jabir bin Abdullah RA katanya: *Kami keluar bersama Rasulullah SAW untuk mengerjakan haji. Maka Rasulullah SAW menyuruh kami untuk berkongsi unta dan lembu bagi setiap tujuh orang antara kami bagi setiap ekor.*¹

Lebih baik sembelihan maka itu yang lebih afdal kerana Allah baik sifatnya dan tidak menerima melainkan perkara yang baik juga. Sembelihan

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1318) (351).

Harus dilakukan sembelihan di mana-mana tempat di dalam sempadan Tanah Haram malah sekarang terdapat pusat penyembelihan khusus yang disediakan oleh kerajaan. Semoga Allah memberi balasan kebaikan.

Sesiapa yang membuat sembelihan di luar Tanah Haram tidak diterima berdasarkan pendapat jumhur ahli ilmu.

Wajib membuat sembelihan haji Tamattuk dan Qiran pada waktu yang ditetapkan iaitu pada hari sembelihan (hari raya selepas solat sunat hari raya dan tiga hari berikutnya). Tidak harus mempercepatkan sembelihan sebelum hari raya sebagaimana tidak harus melewatkan sembelihan selepas hari Tasyriq kerana telah terkeluar daripada hari sembelihan serta tidak mendapat pahala jika dilakukan.

Disunatkan menyembelih unta sambil berdiri dengan kaki kirinya diikat. Jika tidak mampu menyembelihnya sambil berdiri maka boleh dalam keadaan duduk. Sunat pada selain daripada unta disembelih dalam keadaan berbaring.

Orang yang menyembelih pula wajib membaca Bismillah ketika menyembelih dan tidak boleh dimakan hasil sembelihan jika tidak disebut nama Allah secara sengaja berdasarkan firman Allah: وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذَكَّرْ

«*Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya yang sedemikian itu adalah perbuatan fasik (berdosa)*» (Al-An'am: 121). Ketika itu sembelihan tidak

diberi pahala kerana ia menjadi bangkai dan tidak halal dimakan. Sebaliknya jika terlupa maka diberi pahala dan harus dimakan kerana Allah berfirman « رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا » *"Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah"* (Al-Baqarah: 286).

Sunnah juga seseorang itu makan sembelihannya dan memberi makan kepada orang lain.

BAB KETUJUH: PERKARA-PERKARA DILARANG SEMASA IHRAM

Larangan: Tegahan atau cegahan. Larangan semasa ihram: ialah apa yang haram dilakukan oleh orang yang berihram disebabkan ihram. Ia terbahagi kepada tiga bahagian:

Bahagian Pertama: Larangan kepada lelaki dan wanita

Bahagian Kedua: Larangan kepada lelaki sahaja.

Bahagian Ketiga: Larangan kepada wanita sahaja.

Keterangannya adalah seperti berikut:

Bahagian Pertama: Larangan kepada lelaki dan wanita.

1- Menggugurkan rambut dari seluruh badan dengan mencukur atau apa cara sekalipun tanpa keuzuran berdasarkan firman Allah Taala: وَلَا تَخْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya.» (Al-Baqarah: 196). Ayat ini melarang mencukur kepala yang diqiaskan kepada seluruh bulu badan seperti bulu tangan, betis dan sebagainya.

2- Memotong kuku, menggigit atau mengguntingnya kerana ia dianggap menanggalkan sebahagian daripada anggota badannya yang melambangkan kemewahan. Ia juga seumpama menanggalkan rambut dan tidak ada beza antara kuku tangan atau kuku kaki tetapi jika kuku patah dan

menyakitkan maka dia dibenarkan untuk membuang bahagian yang menyakitkan sahaja dan tidak lebih dari itu.

3- Memakai wangi-wangian selepas berihram pada pakaian atau badan, makanan, minuman dan sebagainya berdasarkan hadis Ibnu Umar RA bahawa Nabi SAW bersabda tentang pakaian orang berihram: *Jangan memakai sesuatu yang disentuh za'faran atau waras (pewarna).*¹ Dan dari Abdullah bin Abbas RA katanya: *Seorang lelaki terjatuh dari unta dan mati sedangkan dia dalam keadaan berihram. Dia dibawa kepada Nabi SAW. Baginda bersabda: Mandikan dia, kafankan tetapi jangan tutup kepalanya, jangan letakkan sebarang wangian kerana dia akan dibangkitkan nanti untuk bertahallul.*²

Tidak harus bagi orang berihram mencium wangian dengan dengan sengaja dan jangan mencampur kopi dengan za'faran yang memberi aroma pada kopi atau baunya, juga tidak boleh mencampurkan teh dengan air mawar dan sebagainya untuk menaikkan rasa dan baunya.

Begitu juga jangan gunakan sabun atau syampu yang berbau wangi, pewangi ketiak dengan bau oud atau bunga melur, kasturi dan sebagainya. Namun, jika ia tidak mempunyai bau wangi seperti bau lemon, pudina dan sebagainya maka harus menggunakannya.

Manakala bau yang digunakan sebelum memakai ihram maka tidak mengapa jika bau tersebut kekal semasa ihram kerana larangan semasa

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5803) dan Muslim (1177).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1839) dan Muslim (1206)(99).

ihram ialah daripada mula memakai wanigan dan bukannya kesan kekal berbau wangi. Dalilnya berdasarkan kata-kata Aishah RA: *Aku terbau wangian di belahan rambut Nabi SAW sedangkan baginda berihram.*¹

4- Melakukan akad nikah berdasarkan hadis Uthman bin Affan RA katanya: *Rasulullah SAW bersabda: Orang berihram tidak boleh bernikah atau dinikahi atau bertunang.*²

Tidak harus bagi orang berihram untuk menikahi wanita atau dinikahi secara wakil atau ditunangkan sehingga selesai ihramnya. Begitu juga tidak dinikahi wanita tersebut dalam keadaan berihram. Akad nikah dalam keadaan ihram ialah satu kefasadan dan tidak sah kerana tegahan dalam hadis di atas bermakna pengharaman kerana mengandungi fasad.

5- Membuat permulaan syahwat dengan bercium, menyentuh, memeluk dan sebagainya kerana firman Allah Taala: *الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ* (Masa untuk mengerjakan ibadat) *Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji»* (Al-Baqarah: 197). *Al-Rafas* ialah bersetubuh

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (271) dan Muslim (1190).(39).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1409)(41).

termasuklah permulaannya seperti bercium, bercumbu dan menaikkan syahwat.

Maka tidak halal bagi orang berihram untuk mencium isterinya dengan bersyahwat atau menyentuh, memandang, bergurau dengan syahwat kerana dia juga menikmatinya seperti permulaan syahwat.

Tidak boleh bagi isterinya juga untuk menggoda suaminya untuk berbuat demikian sedangkan dia sedang berihram.

6- Bersetubuh berdasarkan firman Allah Taala: الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ

«(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji» (Al-Baqarah: 197). Al-Rafas ialah bersetubuh.

Bersetubuh ialah larangan paling besar semasa ihram ke atas orang haji dan ia ada dua keadaan:

Keadaan pertama: Sebelum tahallul awal maka ada dua bentuk:

a. Wajib membayar fidyah iaitu berbentuk fizikal atau lembu dengan ijmak sahabat. Sembelihan hendaklah dibahagi-bahagikan kepada orang fakir dan tidak boleh dimakan langsung.

b. Rosak haji orang yang bersetubuh tetapi dia wajib melengkapkannya kerana firman Allah Taala: *«وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ»* *«Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah»* (Al-Baqarah: 196). Dia juga wajib mengqadanya pada tahun hadapan atau secepat mungkin mengikut kemampuan tanpa melenghkannya berdasarkan ijmak sahabat dan para ulamak walaupun haji dan umrah sunat.

Keadaan Kedua: Jika persetubuhan berlaku selepas tahallul pertama iaitu selepas membuat dua daripada tiga kerja haji ini (melontar di Jamratul Aqabah, bercukur atau menggunting dan tawaf Ifadah) maka hajinya sah tetapi dia mesti membayar fidyah dengan menyembelih seekor kambing dan membahagikannya kepada orang fakir serta tidak boleh dimakan langsung.

Perbuatan ini tidak merosakkan haji.

7- Membunuh binatang buruan. Yang dimaksudkan binatang buruan di sini ialah semua haiwan darat yang halal tetapi tidak jinak seperti rusa, arnab dan burung merpati kerana firman Allah Taala: *يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءُؤْفُوا بِالْعُقُودِ ۚ أَحَلَّتْ لَكُمْ بِهِمَّةُ ءَلَا نَعْمَ ۖ ءِلَّا مَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ ۗ إِنَّ ءَللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ* *«Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh*

menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Ia kehendaki» (Al-Ma'idah: 1). Juga firman Allah Taala: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ

حُرُمٌ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِّثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنْكُمْ هَدْيًا بَالِغَ الْكَعْبَةِ أَوْ كَفَرَةٌ طَعَامُ مَسْكِينٍ أَوْ عَدْلُ ذَلِكَ صِيَامًا لِّیَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهُ عَفَا اللَّهُ عَمَّا سَلَفَ وَمَنْ عَادَ فَيَنْتَقِمُ اللَّهُ مِنْهُ وَاللَّهُ عَزِيزٌ

ذُو أَنْتِقَامٍ «Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram. Dan sesiapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya (menggantinya) dengan binatang ternak yang sama dengan binatang buruan yang dibunuh itu, yang ditetapkan hukumnya oleh dua orang yang adil di antara kamu, sebagai hadiah yang disampaikan ke Kaabah (untuk disembelih dan dibahagikan kepada fakir miskin di Tanah Suci), atau bayaran kaffarah, iaitu memberi makan orang-orang miskin, atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang miskin; supaya dapat ia merasai kesan yang buruk dari perbuatannya. Allah maafkan apa yang telah lalu; dan sesiapa yang mengulangi (kesalahan itu) maka Allah akan menyeksanya; dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Berkuasa membalas dengan azab seksa» (Al-Ma'idah: 95).

Tidak dibolehkan kepada orang berihram atau orang yang berada di Tanah Haram Mekah sekalipun tidak berihram memburu haiwan darat liar atau membunuhnya atau membawa kepada kematian binatang dengan sebarang cara, isyarat, penggunaan senjata atau menghalaunya.

Manakala buruan laut maka harus dibunuh bagi orang berihram. Firman Allah Taala: (أَحَلَّ لَكُم صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَّكُم وَلِلْسَيَّارَةِ) وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ «Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah, yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan» (Al-Ma'idah: 96).

Apabila orang berihram membunuh binatang buruan dengan sengaja maka dia perlu dihukum dan wajib bertaubat ke atas maksiat ini. Firman Allah Taala: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرُمٌ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِّثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنْكُمْ هَدْيًا بَالِغَ الْكَعْبَةِ أَوْ كَفَرَةٌ طَعَامُ مَسْكِينٍ أَوْ عَدْلٌ ذَلِكَ صِيَامًا لِّيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِ «Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram. Dan sesiapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya (menggantinya) dengan binatang ternak yang sama dengan binatang buruan yang dibunuh itu, yang ditetapkan hukumnya oleh dua orang yang adil di antara kamu, sebagai hadiah yang disampaikan ke Kaabah (untuk disembelih dan dibagikan kepada fakir miskin di Tanah Suci), atau bayaran kaffarah, iaitu

memberi makan orang-orang miskin, atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang miskin; supaya dapat ia merasai kesan yang buruk dari perbuatannya. Allah maafkan apa yang telah lalu; dan sesiapa yang mengulangi (kesalahan itu) maka Allah akan menyeksanya; dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Berkuasa membalas dengan azab seksa» (Al-Ma'idah: 95). Jika dia membunuh merpati: seumpama seekor kambing sebagaimana hukuman Abdullah bin Abbas RA¹ dan selainnya. Seelok-eloknya dia menyembelih dan membahagikannya kepada orang fakir sebagai fidyah menggantikan merpati. Dia juga menerangkan bahawa kambing boleh digantikan dengan mengeluarkan nilai makanan bagi orang-orang miskin. Bagi setiap orang miskin setengah cupak dan dia juga menerangkan agar berpuasa sehari menggantikan memberi makan kepada orang miskin.

Memotong pokok di Tanah Haram yang hidup yang tidak ditanam oleh manusia maka tidak haram ke atas orang berihram kerana tidak memberi kesan kepada ihram tetapi sebaliknya sesiapa berada dalam sempadan Tanah Haram sama ada berihram atau tidak. Disebabkan hal ini, harus memotong pokok dalam bilik bagi orang berihram atau bukan berihram. Namun, diharamkan di Muzdalifah dan Mina kerana Arafah di luar sempadan Tanah Haram sedangkan Muzdalifah dan Mina berada di dalam sempadan Tanah Haram. Ia seperti membunuh binatang buruan di dalam sempadan Tanah Haram ke atas orang berihram atau tidak berihram.

Tujuh larangan semasa ihram ini tertakluk kepada semua lelaki dan wanita.

¹ Diriwayatkan oleh Abdul Razzaq dalam Al-Musnaf (4/414).

Perhatian: Barang yang dijumpai (luqtah) di Tanah Haram oleh orang berihram atau bukan berihram adalah haram kecuali jika terlalu lama. Dari Abdullah bin Abbas RA bahawa Nabi SAW bersabda pada hari pembukaan Mekah: Sesungguhnya negeri ini Allah haramkannya pada hari Allah menciptakan langit dan bumi. Maka ia haram dengan pengharaman Allah sehingga hari kiamat. Sesungguhnya tidak halal membunuh bagi sesiapaupun sebelumku dan tidak pernah halal kepadaku kecuali satu waktu iaitu kecuali ia haram dengan pengharaman Allah sehingga hari kiamat. Durinya tidak boleh dipatahkan, dibunuh binatangnya. Diambil barang yang dijumpai kecuali orang yang mengenalinya dan tidak boleh dicabut tumbuhannya. Al-Abbas berkata: *Wahai Rasulullah: Kecuali pokok izkhir kerana ia untuk mereka dan rumah mereka? Baginda menjawab: Kecuali izkhir.*¹

Apabila terjumpa sesuatu maka perlu mencari tuannya untuk diserahkan atau kepada pihak berkuasa di Tanah Haram.

Bahagian Kedua: Larangan kepada lelaki sahaja.

Khusus kepada lelaki dua larangan yang tiada pada wanita, iaitu:

1. Menutup kepala. Dalilnya ialah hadis Abdullah bin Umar RA bahawa seorang lelaki berkata: *Wahai Rasulullah, orang lelaki berihram tidak boleh memakai pakaian? Rasulullah SAW menjawab: Tidak boleh*

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (3189) dan Muslim (1353)(445).

memakai baju, serban, seluar atau kelubung (penutup kepala).¹ Nabi SAW melarang orang berihram memakai serban dan kelubung kerana ia menutup kepala. Hadis Abdullah bin Abbas RA katanya: Seorang lelaki terjatuh dari unta dan mati sedangkan dia dalam keadaan berihram. Dia dibawa kepada Nabi SAW. Baginda bersabda: Mandikan dia, kafankan tetapi jangan tutup kepalanya, jangan letakkan sebarang wangian kerana dia akan dibangkitkan nanti untuk bertahallul.² Maka Nabi SAW melarang menutup kepalanya kerana dia dalam keadaan ihram.

Tidak boleh bagi seorang lelaki menutup kepalanya secara langsung seperti serban, selendang, topi, kopiah dan sebagainya. Sekiranya tidak menutup secara langsung seperti khemah, payung, bumbung kereta dan sebagainya maka tidak mengapa berdasarkan hadis Jabir bin Abdullah RA yang panjang. Dan hadis Ummu Al-Husain RA katanya: *Aku menunaikan haji bersama Rasulullah SAW pada haji Wada'. Aku melihat Usamah dan Bilal. Salah seorang dari mereka berdua mengambil tali unta Nabi SAW dan seorang lagi mengangkat pakaian yang menutupnya dari panas sehingga baginda melontar di Jamratul Aqabah.³*

Dibenarkan untuk membawa barangan di atas kepala dan menutup sebahagian kepala kerana itu tidak bermaksud menutup kepala biasanya. Dibolehkan juga untuk menyelam di dalam air sekalipun kepalanya dilitupi air.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1534) dan Muslim (1177).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1839) dan Muslim (1206)(99).

³ Diriwayatkan oleh Muslim (1298)(312).

2. Memakai pakaian berjahit iaitu pakaian yang dipisahkan dari badan dan anggotanya sama ada lengkap bagi badan seluruhnya seperti kemeja atau sebahagiannya seperti stoking dan khuf bagi kaki serta sarung tangan berdasarkan hadis Abdullah bin Umar RA bahawa seorang lelaki bertanya: *Wahai Rasulullah: Apa pakaian yang boleh dipakai oleh orang yang berihram? Rasulullah SAW menjawab: Dia tidak boleh memakai baju, serban, seluar, kelubung, dan khuf kecuali jika tidak mempunyai selipar maka pakailah khuf. Hendaklah dia memotongnya lebih rendah dari buku lali. Jangan memakai pada pakaian sesuatu pun dari za'faran atau waras (pewarna).*¹

Tetapi jika dia tidak mendapati kain ihram atau nilainya maka dia boleh memakai seluar. Jika dia tidak mempunyai selipar atau nilainya maka boleh memakai khuf tetapi tidak boleh memotongnya atau sesuatu atasnya berdasarkan hadis Abdullah bin Abbas RA katanya: *Nabi SAW berkhutbah kepada kami di Arafah. Baginda bersabda: Sesiapa yang tidak memiliki izar (kain ihram) maka pakailah seluar. Siapa tidak memiliki kasut pakailah khuf.*² Dan hadis Abdullah bin Abbas ini di Arafah maka ia menasakhkan hukum memotong khuf agar lebih rendah dari buku lali.

Tidak mengapa untuk melipat baju ke atas badannya tanpa memakainya ke atas badan.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1543) dan Muslim (1178).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (8) dan Muslim (1178).

Tidak mengapa juga untuk menjadikan kain sebagai rida' tidak seperti yang biasa dipakai. Maka jangan diletakkan di atas bahu.

Tidak mengapa juga untuk mengikat tali pinggang atas izar dan memakai tali dan sebagainya.

Tidak mengapa untuk memakai cincin, jam tangan, cermin mata, set kepala, menggantung uncang dan bekas mencari nafkah di tengkuk.

Tidak mengapa untuk menggantung rida' contohnya untuk mengelakkan dari jatuh. Dibolehkan kepada orang berihram untuk memakai apa yang dihalaikan oleh Allah baginya selain daripada yang disebut di dalam hadis Ibnu Umar di atas atau apa di atas makna yang sama. Sesungguhnya jawapan Nabi SAW dari apa yang disamakan daripada soalan tentang apa yang boleh dipakai menjadi dalil bahawa selain segala perkara yang disebutkan dan seumpamanya, ia harus bagi orang berihram untuk dipakai.

Bahagian Ketiga: Larangan kepada wanita sahaja.

Wanita yang berihram diharamkan memakai niqab (purdah), burqa, dan sarung tangan berdasarkan hadis dari Abdullah bin Umar RA dalam hadis marfuk dari Nabi SAW. Hadis tersebut datang dalam bentuk mauquf dari kata-kata sahabat dan ini lebih sahih: *Janganlah wanita*

*memakai niqab dalam keadaan ihram dan jangan memakai sarung tangan.*¹ Tetapi apabila dia perlu menutup wajahnya kerana ada lelaki ajnabi yang lalu berdekatan maka dia menggunakan pakaian atau tudung untuk menutup mukanya. Satu hadis dari Aishah RA katanya: *Ada beberapa orang penunggang lalu berdekatan kami sedang kami bersama Rasulullah SAW dalam keadaan berihram. Apabila mereka seiring dengan kami salah seorang dari kami menutup mukanya menggunakan tudungnya dari atas kepala dan apabila mereka berlalu kami membuka semula.*² Dan dari Aishah RA katanya: *Orang wanita yang berihram boleh memakai sebarang pakaian sesuka hatinya kecuali pakaian diletakkan waras (pewarna) atau za'faran dan jangan berhias. Jangan berniqab dan boleh menutup pakaian ke atas wajahnya jika dia mahu.*³ Dari Fatimah binti Al-Munzir RA katanya: *Kami memakai khimar wajah kami sedangkan kami sedang berihram dan kami bersama Asma' binti Abu Bakar As-Siddiq.*⁴

Wanita menutup kepala dan rambutnya, menutup mukanya tanpa niqab ketika bersama orang lelaki ajnabi dan harus baginya memakai khuf dan sarung kaki mengikut kemahuannya berdasarkan ijmak ulama dengan syarat tidak memakai sebarang perhiasan.

¹ Diriwatikan oleh Al-Bukhari (1838) dan Malik dalam Muwatta'nya (1/328). Lihat Al-Ilal oleh Ad-Darqutni (13/422).

² Diriwatikan oleh Ahmad dalam Musnadnya (24021), Abu Daud (1833), tetapi dalam sanadnya ada Yazid bin Abi Ziyad Al-Hasyimi, mawla mereka Al-Kufi seorang yang lemah tetapi dikuatkan oleh orang selepasnya.

³ Dikomentar oleh Al-Bukhari dalam Sahihnya (7/137), diriwatikan oleh Al-Baihaqi dalam Al-Sunan Al-Kubra secara mausul (5/47). Syeikh Al-Albani berkata dalam Irwa' Al-Ghalil (4/212): diriwatkan oleh Al-Baihaqi dengan sanad sahih.

⁴ Diriwatikan oleh Malik dalam Al-Muwatta' (1/328) dan Syeikh Al-Albani berkata dalam Irwa' Al-Ghalil (4/212): diriwatkan oleh Al-Baihaqi dengan sanad sahih.

Harus bagi lelaki dan wanita menukar pakaian ihram dan membasuhnya dan menanggalkannya apabila mandi.

BAB KELAPAN: FIDYAH BAGI KESALAHAN SEMASA IHRAM

Bahagian kesalahan semasa ihram yang dikenakan fidyah (denda):

Ia terbahagi kepada empat bahagian:

Bahagian Pertama: Tidak dikenakan fidyah iaitu akad nikah.

Bahagian Kedua: Apa yang fidyahnya berbentuk fizikal iaitu bersetubuh semasa haji sebelum bertahallul pertama (Tahallul Awwal).

Bahagian Ketiga: Apa yang fidyahnya dalam bentuk balasan atau apa yang dapat menggantikannya seperti membunuh binatang buruan.

Bahagian Keempat: Apa yang fidyahnya dalam bentuk puasa, sedekah atau ibadah.

Terdapat nas tentang membayar fidyah dengan mencukur kepala.

Firman Allah Taala: وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ فَمَن كَانَ

أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسْكٍَ مِّنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ ۖ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ

«Janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. Maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam.» (Al-Baqarah: 196). Nabi SAW

telah menerangkan kadar puasa, sedekah dan menyembelih kambing. Dari Kaab bin Ujah RA dari Rasulullah SAW baginda bersabda: *Seolah-olah sesuatu mengganggumu?. Dia menjawab: Ya, wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Cukurlah kepalamu, berpuasalah tiga hari atau berilah makan kepada enam orang miskin atau sembelih seekor kambing.*¹ Yang dimaksudkan dengan kambing di sini yang berumur yang sesuai untuk disembelih dan bebas dari kecacatan yang menghalang dari mendapat pahala.

Ulamak menamakan fidyah ini *fidyah al-aza* berdasarkan firman Allah Taala: *أَوْ بِهَـٔٓ اَذًى مِّن رَّأْسِهٖـۥ* « *Atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya)*». (Al-Baqarah: 196).

Ulamak mengaitkan dengan mencukur kepala semua perkara yang dilarang semasa ihram kecuali tiga perkara di atas.

Melakukan perkara yang diharamkan ada tiga keadaan:

Apabila orang berihram melakukan perkara yang dilarang sama ada mencukur kepala, memakai wangi-wangian atau bersetubuh atau membunuh binatang dan sebagainya. Baginya tiga keadaan:

Keadaan pertama: Orang berihram terlupa, tidak tahu, dipaksa, atau tidur maka tiada dosa baginya atau membayar fidyah atau ibadahnya tidak rosak. Dalil atas perkara tersebut ialah dalil-dalil umum bagi keuzuran

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1814) dan Muslim (1201) dan ini lafaz Al-Bukhari.

untuk keadaan-keadaan seperti ini. Firman Allah Taala: رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا «Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah.» (Al-Baqarah: 286). Terdapat satu hadis qudsi Allah berfirman: *Aku Telah melakukannya.*¹ Dan firman Allah lagi وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ، وَلَٰكِن مَّا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ «Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya.» (Al-Ahzab: 5).

Allah berfirman khusus tentang perkara yang dilarang dengan membunuh binatang buruan: وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِّثْلُ مَا قَتَلَ «Dan sesiapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya (menggantinya) dengan binatang ternak yang sama dengan binatang buruan yang dibunuh itu» (Al-Ma'idah: 95). Maka Allah mengaitkan kewajiban balasan ke atas binatang buruan dengan pembunuh dengan maksud sengaja yang sesuai diberikan akibat dan balasan. Maka perlu diberi hukuman dan dijatuhkan hukum padanya. Sebaliknya ia bermaksud jika tidak disengajakan maka tidak perlu dibalas atau tidak mendapat dosa.

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (126) dari hadis Abdullah bin Abbas RA.

Perhatian: Apabila hilang keuzuran dari orang berihram maka dia dianggap mengetahui, tidak lupa, telah terjaga dari tidur, tidak dipaksa maka wajib dia meninggalkan perkara yang dilarang segera.

Jika berterusan melakukannya walaupun tiada lagi keuzuran wajib membayar fidyah, berdosa kerana membuat maksiat dan perlu segera bertaubat nasuha dan membayar fidyah.

Contohnya apabila orang berihram lelaki menutup kepala ketika tidur. Dia tidak dikenakan apa-apa selagi tidur. Apabila terjaga hendaklah dia membuka kepalanya segera. Jika masih berterusan menutup kepala sedangkan dia tahu dia wajib membuka kepala maka dikira berdosa, melakukan maksiat dan wajib membayar fidyah sebagaimana disebutkan sebelum ini.

Keadaan kedua: Orang berihram melakukan perkara yang dilarang dengan sengaja tetapi disebabkan keuzuran yang mengharuskannya. Maka dia perlu membayar fidyah tetapi tidak berdosa.

Firman Allah Taala: وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ ۚ فَمَن كَانَ

أَوْ صَدَقَةً أَوْ نُسْكَ ۖ مِنكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ ۚ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ

«Janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. Maka sesiapa di antara kamu sakit atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia mencukur rambutnya), hendaklah ia membayar fidyah. Iaitu berpuasa, atau bersedekah, atau menyembelih Dam.» (Al-Baqarah: 196). Dalil keharusan perkara tersebut juga bagi orang yang mempunyai keuzuran dalam kisah Kaab bin Ujah RA. Dia dibawa kepada Rasulullah SAW dan

terdapat kesan gigitan serangga di mukanya. Rasulullah SAW bersabda: *Aku tidak sangka engkau boleh sampai ke sini. Adakah engkau ada kambing? Aku menjawab: Tidak. Baginda bersabda: Berpuasalah tiga hari, atau beri makan enam orang miskin. Bagi setiap orang setengah cupak makanan dan cukur kepalamu.*¹

Keadaan ketiga: Orang berhram melakukan perkara yang dilarang kecuali bersetubuh, bernikah dengan sengaja tanpa disebabkan keuzuran yang mengharuskannya. Maka dia perlu membayar fidyah, dikira berdosa dan wajib segera bertaubat nasuha dan membayar fidyah.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (4518) dan Muslim (1201)(85).

BAB KESEMBILAN: SIFAT UMRAH

Rukun Umrah:

Rukun dari segi bahasa: Tunjang sesuatu benda: iaitu bahagian yang paling kuat.¹

Rukun dari segi istilah: Apa yang melengkapkan sesuatu perkara apabila ia dilakukan.² Yang dimaksudkan dalam haji dan umrah: apa yang dituntut oleh syarak sepenuhnya dan tidak boleh ditukar ganti.

Rukun umrah ada tiga:

Rukun Pertama: Berihram.

Rukun Kedua: Tawaf sekeliling Kaabah.

Rukun Ketiga: Saie di antara Safa dan Marwah.

Wajib Umrah:

Wajib dari segi bahasa: Perkara yang diwajibkan pada sesuatu perkara, atau mesti dilakukan.³

¹ Lisan Al-Arab (13/185).

² Al-Hudud Al-Aniqah Wa At-Ta'rifat Ad-Daqiqah. (hlm. 71).

³ Lisan Al-Arab (1/793).

Wajib dari segi istilah: Apa yang dikecam oleh syarak jika ditinggalkan dengan sengaja.¹ Juga dikenali sebagai perkara yang diberi pahala orang yang melakukannya dan diberi hukuman jika meninggalkannya.

Wajib umrah ada dua, iaitu:

Wajib Pertama: Berihram di miqat.

Wajib Kedua: Bercukur atau menggunting rambut.

Keterangannya bersama sifat umrah sebagaimana berikut:

Ihram ialah niat memulakan ibadah dan niat tempatnya di dalam hati. Maka tidak harus melafazkannya dengan ucapan "*Sahaja aku berniat untuk menunaikan umrah*" atau lafaz-lafaz lain kerana Nabi SAW tidak pernah melakukannya begitu juga para sahabat yang mulia tidak menzahirkan lafaz niat tersebut sama ada semasa umrah, haji, solat atau zakat dan ibadah-ibadah lain. Termasuk juga urusan keduniaan tidak terdapat seorang yang berakal akan berkata "*Sahaja aku minum air*" kemudian dia minum kecuali dia akan terus mengangkat air dan meminumnya. Demikian halnya dengan ibadah kerana dia tidak tiba di miqat kecuali untuk memakai pakaian ihram demi melakukan umrah atau

¹ At-Tahbir Syarah At-Tahrir (2/820) dan Al-Bahr Al-Muhit fi Usul Al-Feqh (1/234).

haji. Begitu juga dengan solat, dia tidak berwuduk, berdiri, mengangkat takbiratul ihram kecuali untuk solat.

Antara perkara sunat yang disarankan untuk dilakukan bagi orang yang ingin berihram umrah atau haji ialah:

1- Mandi: Dia mandi sebagaimana mandi junub iaitu sama sahaja bagi lelaki dan wanita termasuklah wanita yang haid atau nifas. Dalilnya ialah hadis Jabir bin Abdullah yang panjang dalam menerangkan sifat haji Nabi SAW. Dia berkata: *Kami tiba di Zulhulaifah dan Asma' binti Umais telah Melahirkan Muhammad bin Abu Bakar maka dia dihantar kepada Rasulullah SAW dan bertanya: Apa yang perlu aku lakukan? Baginda menjawab: Mandi dan tukar pakaian dengan pakaian lain dan berihramlah.*¹

2- Memakai wangi-wangian. Orang lelaki memakai wangian setakat apa yang dia miliki di kepala dan janggut dengan minyak kasturi atau oud dan sebagainya. Tidak mengapa jika bau tersebut kekal semasa ihram berdasarkan hadis Aishah RA yang berkata: *Aku mewangikan Nabi SAW dengan pewangi yang baginda ada sehingga aku dapati aroma wangi di kepala dan janggutnya.*²

Kemudian selepas mandi dan memakai minyak wangi hendaklah memakai pakaian ihram iaitu bagi lelaki kain dan selendang. Manakala bagi wanita apa sahaja yang ingin dipakainya tanpa berhias atau berniqab. Tidak

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1218).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5923) dan Muslim (1188).

boleh juga memakai sarung tangan dan tidak menutup wajahnya sebagaimana disebut dalam perkara-perkara yang dilarang semasa ihram kecuali dia menutup mukanya apabila ada lelaki bukan mahram sebagaimana disebut dalilnya terdahulu.

Jika telah masuk waktu solat fardu hendaklah orang berihram solat kecuali orang haid dan nifas. Sekiranya bukan waktu solat fardu hendaklah solat dua rakaat untuk berihram dan ia adalah sunat. Jika dia melakukannya maka mendapat pahala jika ditinggalkan maka tidak berdosa dan ihramnya masih dikira sah, *insya Allah Taala*.

Apabila selesai solat dia menaiki kenderaannya dan berniat ihram di dalam hatinya ketika naik kenderaan dan membaca *لبيك عمرة*. Dalilnya ialah hadis Abdullah bin Umar RA dari Nabi SAW: *Baginda apabila memasukkan kaki ke pedal dan untanya meluruskan kaki untuk berdiri, baginda bertalbiah dari Masjid Zulhulaifah*.¹ Hendaklah membanyakkan talbiah dengan kalimah tauhid iaitu talbiah Rasulullah SAW. Jabir bin Abdullah RA menerangkan talbiah Rasulullah SAW:

لبيك اللهم لبيك، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمَلَكُ، لَا شَرِيكَ لَكَ.

Orang lain juga mengulangi talbiah ini dan Nabi SAW tidak membalas kepada mereka sebaliknya nabi SAW meneruskan talbiah sendiri.² Sekiranya ditambah:

لبيك اللهم لبيك، لَبَّيْكَ وسعديك، والخير في يديك، لبيك والرغباء إليك والعمل

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (2865) dan Muslim (1187).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1218)

maka tidak mengapa. Telah sabit tambahan ini dari Umar bin Al-Khattab dan anaknya Abdullah bin Umar RA.¹

Talbiah ini ialah perkara pertama dilakukan oleh orang yang ingin mengerjakan umrah atau haji. Ia adalah syiar umrah dan haji dan merupakan perkara agung yang merupakan perkara paling besar dan paling utama iaitu mentauhidkan Allah dan mengikhlaskan ibadah kepadaNya sahaja. Di dalam talbiah jawapan kepada ahli jahiliah dan musyrikin pada setiap waktu dan zaman yang menyekutukan Allah dengan sesuatu. Mereka menyeru kepada selain Allah dan memohon pertolongan dengannya, menyembelih, bernazar kepada selain Allah dan meminta bantuan dan rezeki daripada selain Allah. Dari situ orang jahiliah mensyirikkan Allah termasuk dalam talbiah sebagaimana kata Abdullah bin Abbas RA: *Orang musyrikin berkata لَا شَرِيكَ لَكَ Dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya celakalah kamu. Mereka menjawab: تملكه وما إِلَّا شَرِيكًا هُوَ لَكَ، تملكه وما. Mereka mengucapkan ini ketika tawaf di Kaabah.*²

Sunat bagi orang lelaki mengangkat suara dengan talbiah berdasarkan hadis Saib bin Khallad RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Datang kepadaku Jibril dan menyuruhku agar menyuruh sahabat-sahabatku dan orang yang bersamaku mengangkat suara mereka dengan bertahlil atau bertalbiah, maksudnya salah satu daripadanya.*³

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1184).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1185).

³ Diriwayatkan oleh Abu Daud (1814), An-Nasaie (2753,) At-Tirmidzi (829), Ibnu Majah (2922), Ahmad (16567). At-Tirmidhi berkata: Hadis "hasan sahih".

Tujuan mengangkat suara ialah menzahirkan tauhid dan mengiklankannya, mengagungkannya dan ia adalah sebesar-besar syiar haji. Para sahabat RA mengangkat suara mereka dengan talbiah sehingga serak kerongkong mereka. Dari Al-Muttalib bin Abdullah RA katanya: *Sahabat Rasulullah SAW mengangkat suara mereka dengan bertalbiah sehingga serak kerongkong mereka.*¹ Dari Bakr bin Abdullah Al-Mazni katanya: Aku bersama Ibnu Umar: *Dia bertalbiah sehingga kedengaran antara dua bukit*². Diriwayatkan dari sekumpulan salaf: *Perhiasan haji ialah talbiah*³ dan ia datang dari ucapan Nabi SAW.⁴

Manakala bagi wanita, maka hanya bertalbiah tanpa mengangkat suara atau zikir lain berbanding lelaki kerana yang diminta dari wanita ialah untuk memperlahankan suara.

Ucapan orang bertalbiah bermaksud: *Ini ialah sahutan kepadaMu ya Allah selepas sahutan dan mendirikan ketaatan kepadaMu.*⁵ Ia juga menjawab seruan Allah kepada hambaNya untuk menunaikan haji sebagaimana firman Allah Taala: وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ

ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ «Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan)

¹ Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dalam Musannafnya (3/373). Ibnu Hajar berkata dalam Fathul Bari (3/408): sanadnya sahih.

² Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dalam Musannafnya (3/373). Ibnu Hajar berkata dalam Fathul bari (3/408): sanadnya sahih.

³ Lihat: Musannaf Ibnu Abi Syaibah (3/373).

⁴ Diriwayatkan oleh Ahmad dalam Al-Musnad (1870) dari hadis Abdullah bin Abbas RA.

⁵ Lihat: An-Nihayah fi Gharibil Hadis (4/222).

mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangny dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh» (Al-Hajj: 27).

Sekiranya orang yang berhram khuatir tidak dapat menunaikan haji kerana sakit, takutkan musuh atau kepungan, takut terkesan akibat penularan wabak berjangkit dan sebagainya, disunatkan untuk berkata ketika memakai ihram selepas ucapan talbiah: *لبيك عمرة*: *Jika ada perkara yang menghalangku tempat halalku ialah tempat engkau menahanku.* Berdasarkan hadis Aishah RA katanya: *Rasulullah SAW menemui Dubaah binti Al-Zubair dan berkata kepadanya: Engkau mahu menunaikan haji? Dia menjawab: Demi Allah aku dapati diriku sakit. Baginda berkata padanya: Pergilah haji dan buatlah syarat. Katakan: Ya Allah tempat halalku ialah tempat engkau menahanku.*¹

Faedah membuat syarat seperti ini ialah orang berhram jika berlaku sesuatu yang menghalangnya dari menyempurnakan hajinya sama ada sakit, kepungan dan sebagainya sah baginya untuk bertahallul dan itu tidak mengapa.

Disunatkan kepada orang berhram membanyakkan talbiah dalam semua keadaan sama ada ketika mendaki ke tempat tinggi, menuruni lembah, solat fardu, bertemu siang atau malam. Begitu juga apabila berjumpa simpang, mendengar orang bertalbiah, melakukan perkara dilarang dalam keadaan lupa, menaiki tunggangan atau turun darinya atau

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (5089) dan Muslim (1207).

melihat perkampungan atau melihat perubahan pada sesuatu keadaan dan masa.

Tidak disyorkan bertalbiah secara berjemaah kerana ia tidak ditunjukkan oleh Nabi SAW atau para sahabat. Setiap orang bertalbiah secara bersendirian.

Dia terus bertalbiah semasa umrah selagi di dalam ihram sehingga mula tawaf. Apabila mula tawaf maka berhentilah talbiah. Semasa ingin membuat haji talbiah bermula dari memakai ihram sehingga melontar di Jamratul Aqabah pada hari raya.

Apabila menghampiri Mekah disunatkan mandi kerana ingin memasuki Mekah jika berkemampuan berdasarkan hadis Abdullah bin Umar RA sebagaimana disebut oleh mawjanya Nafi' bahawa Ibnu Umar RA tidak akan memasuki Mekah kecuali dia akan tidur di Zuyutawa sehingga subuh. Lalu dia mandi dan memasuki Mekah pada siangnyanya dan dia menyebut bahawa Nabi SAW melakukannya.¹

Disunatkan juga memasuki Mekah dari bahagian paling atas dan keluar dari bahagian bawah. Dari Abdullah bin Umar RA: *Bahawa Rasulullah SAW memasuki Mekah dari Kada' dari bahagian atas Mekah di Ath-Thaniyyah Al-Ulya di Al-Batha' dan keluar dari Ath-Thaniyyah As-Sufla.*² Dari

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1573) dan Muslim (1259)(227).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1576) dan Muslim (1257).

Aishah RA: *Bahawa Nabi SAW apabila tiba di Mekah baginda masuk dari atas dan keluar dari bawah.*¹

Kada': ialah nama bagi bahagian di Mekah dan sekarang dipanggil Rai'ul Hajun iaitu jalan dari perkuburan Al-Ma'lah.

Ath-Thaniyyah As-Sufla sekarang dipanggil Rai'ul Rassam iaitu jalan dari Harah Al-Bab menuju ke Jarul.

Apabila orang haji berpeluang masuk dari arah Nabi SAW masuk dan keluar melalui arah Nabi SAW keluar itulah yang paling afdal. Jika tidak mampu bolehlah masuk dari arah mana pun kerana ia diharuskan dan tidak mengapa.

Apabila tiba di Masjidil Haram disunatkan mendahulukan kaki kanan untuk masuk dan membaca:

بِسْمِ اللَّهِ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ، وَيُوجِّهُ الْكَرِيمِ،
وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

Dari Abu Humaid, dari Abu Usaid, Rasulullah SAW bersabda: *Apabila seseorang daripada kamu memasuki masjid maka bacalah: اللَّهُمَّ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ* dan apabila keluar maka bacalah: *فَضْلِكَ*²

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1577) dan Muslim (1258).

² Diriwayatkan oleh Muslim (713).

Ini ialah panduan umum untuk Masjidil Haram dan semua masjid.

Kemudian dia menuju ke Kaabah ke arah Hajar Aswad untuk memulakan tawaf dan tidak berkata: *"Aku berniat tawaf"* kerana tidak ditunjukkan oleh Nabi SAW kerana niat itu tempatnya di dalam hati.

Sunat bagi lelaki semasa tawaf - iaitu tawaf Qudum bagi yang mengerjakan haji Qiran dan Ifrad, dan tawaf umrah bagi haji Tamattuk. Ia dinamakan tawaf Qudum kerana ia tawaf yang pertama dilakukan apabila memasuki Mekah - sunat bagi lelaki untuk membuka bahu kanan semasa tawaf, berlari anak pada tiga pusingan pertama dan berjalan pada empat pusingan yang akhir.

Iddiba': mendedahkan bahu kanan dan menjadikan pertengahan selendangnya di bawah ketiak kanan dan hujungnya di atas bahu kiri.

Ramal: Berjalan dengan cepat sedikit sambil menjaga langkah.

Apabila tiba di Hajar Aswad, ada empat keadaan yang disusun seperti berikut:

Keadaan Pertama: Menyentuh Hajar Aswad dengan tangan kanan dan mencium dengan mulutnya jika mampu. Dia melakukannya untuk mengagungkan Allah azza wa jalla dan mengikut sunnah Rasulullah SAW. Bukannya beriktikad bahawa batu itu memberi manfaat atau mudarat. Semuanya demi Allah azza wa jalla. Dari Umar bin Al-Khattab RA: *Apabila dia tiba di Hajar Aswad dia menciumnya dan berkata: Aku tahu engkau hanyalah*

*batu yang tidak memberi mudarat atau manfaat. Jika aku tidak melihat Nabi SAW menciummu pasti aku tidak akan menciummu.*¹

Di sini terdapat perhatian tentang pengertian tauhid, dan mengikhhlaskan ibadah kepada Allah sahaja tiada sekutu baginya. Ia tidak membawa manfaat dan tidak menghalang mudarat kecuali Allah subhanahu wa taala. Di sini juga terdapat ikutan Nabi SAW dan hendaklah tidak memulakan perkara baharu dalam agama.

Sekiranya tidak mampu, beralihlah kepada keadaan kedua.

Keadaan Kedua: Menyentuh Hajar Aswad dengan tangan kanan dan mencium tangannya dan membaca: بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. Dari Nafi' mawla Abdullah bin Umar RA katanya: *Aku melihat Ibnu Umar menyentuh Hajar Aswad dengan tangannya kemudian mencium tangannya. Dia berkata: Aku tidak tinggalkan amalan ini sejak aku melihat Rasulullah SAW melakukannya.*²

Sekiranya tidak mampu, beralihlah kepada keadaan ketiga.

Keadaan Ketiga: Menyentuh Hajar Aswad dengan sesuatu seperti tongkat dan mencium tongkat dan membaca: بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. Dari Abu At-Tufail RA katanya: *Aku melihat Rasulullah SAW tawaf di Kaabah, menyentuh penjuru Kaabah dengan tongkat bengkok dan menciumnya.*³

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1597) dan Muslim (1270).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1597) dan Muslim (1270).

³ Diriwayatkan oleh Muslim (1275).

Sekiranya tidak mampu, beralihlah kepada keadaan keempat.

Keadaan Keempat: Mengisyratkan kepada Hajar Aswad dengan tangannya sekalipun dari jauh dan membaca *بسم الله والله أكبر*. Dari Abdullah bin Abbas RA katanya: *Rasulullah tawaf di atas untanya. Setiap kali tiba di penjuru Kaabah, baginda mengisyratkannya dan bertakbir.*¹ Dalam riwayat lain: *Setiap kali tiba di penjuru Kaabah baginda menunjukkan isyarat dengan sesuatu di tangannya dan bertakbir.*²

Diriwayatkan dari Nabi SAW dari riwayat yang tidak begitu kukuh tetapi saling menguatkan antara satu sama lain bahawa baginda SAW berkata kepada Umar RA: *Wahai Abu Hafs, sesungguhnya engkau lelaki yang kuat maka jangan bersesak di penjuru Kaabah kerana engkau akan menyakiti orang yang lemah. Tetapi jika engkau dapati ruang kosong maka sentuhlah (Hajar Aswad) dan jika tidak bertakbirlah dan bergerak.*³

Wajib ke atas orang yang tawaf dalam ketiga-tiga keadaan yang pertama agar tidak menyakiti orang lain yang tawaf dan tidak menyebabkan mudarat kepada mereka kerana mencium itu sunat dan meninggalkan kesakitan itu wajib. Maka membuat perkara wajib lebih awla. Sekiranya seseorang itu kuat tetapi terdapat kesesakan maka hendaklah dia mengelakkan daripada menghimpit orang lemah agar tidak menyakiti mereka dan orang tawaf hendaklah tahu kemuliaan tempat ini dan

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1275).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1631).

³ Diriwayatkan oleh Abdul Razzaq dalam Al-Musannaf (5/36), Ibnu Abi Syaibah dalam Musannafnya (3/171), Asy-Syafie dalam As-Sunan Al-Ma'thurah (510), Ahmad dalam Al-Musnad (190) dan lain-lain.

hendaklah berlembut dalam kesesakan. Perlu memaafkan dan mengasihani kerana rahmat tidak akan ditarik kecuali dari orang yang kasar. Juga hendaklah menjaga kekhusyukan kepada Allah dan meninggalkan perkara yang menghilangkan khusyuk seperti bersesak-sesak. Atau terkeluar dari tawaf dengan perkara yang tidak disyarkan sebagaimana banyak berlaku dalam kalangan orang tawaf iaitu membuat perkara sia-sia, bergaduh dan bertengkar.

Kepada orang wanita hendaklah tidak bersesak dengan lelaki agar tidak membawa kepada perkara haram. Carilah masa yang terdapat wanita sahaja agar bolehlah dia mencium Hajar Aswad ketika itu.

Kemudian setelah membaca *بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ* di Hajar Aswad dia mengambil tempat di bahagian kanan dan menjadikan Kaabah di sebelah kiri. Apabila tiba di Rukun Yamani hendaklah dia melambai sekadar termampu tanpa mencium jika tidak boleh maka jangan bersesak dan tidak perlu membuat isyarat.

Tidak melambai ke Kaabah kecuali di Hajar Aswad dan Rukun Yamani kerana keduanya dibina di atas asas Nabi Ibrahim alaihis salam dan kerana Nabi SAW tidak melambai selain dari dua tempat tersebut. Dari Abdullah bin Umar RA katanya: *Aku tidak pernah nampak Nabi SAW melambai ke arah Kaabah kecuali di dua rukun Yamani.*¹

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1609) dan Muslim (1267).

Dan dia membaca antara rukun Yamani dan Hajar Aswad: رَبَّنَا

«Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka» (Al-Baqarah: 201). Dari Abdullah bin Saib katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW membaca antara dua rukun: رَبَّنَا

١. عَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Setiap kali baginda melalui Hajar Aswad baginda melakukan seperti yang disebut dan membaca sekali. Manakala mengulangi takbir atau berhenti di Hajar Aswad tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW bahkan boleh menyebabkan kesesakan dan menyusahkan orang tawaf.

Pada baki pusingan tawaf bolehlah membaca apa yang disukai sama ada zikir, doa dan sebarang bacaan. Sesungguhnya tawaf dijadikan di Kaabah, saie di Safa dan Marqah, begitu juga melontar Jamrah untuk mengingat Allah.²

Manakala apa yang dilakukan oleh orang tawaf dengan mengkhususkan doa dan zikir tertentu pada setiap pusingan dan membawa

¹ Dirwayatkan oleh Abu Daud (1892), An-Nasaie dalam Al-Kubra (3920) Ahmad (15398), Ibnu Ibnu Khuzaimah dalam Sahihnya (2721) dan Ibnu Hibban dalam Sahihnya (3826).

² Dirwayatkan oleh Abu Daud (1888), At-Tirmidhi (902), Ahmad (15398) dan perawi lain dengan isnad daif dari Aishah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: *Sesungguhnya tawaf dijadikan di Kaabah, (saie) di Safa dan Marwah, serta melontar Jamrah untuk mengingat Allah azza wa jalla*. Dan diriwayatkan oleh Abdul Razzaq dalam Musnafnya (5/49) secara mauquf dari Aishah RA.

bersamanya sebuah buku untuk dibaca doa dan zikir tertentu, maka ini adalah amalan baharu dan bidaah mungkar dan tidak sepatunya dilakukan. Berdoalah setakat mana yang mampu untuk memohon kebaikan dunia dan akhirat dan bukannya setiap pusingan dengan doa dan zikir tertentu. Tidak terdapat dari Nabi SAW sebarang bacaan atau perbuatan. Menjadi kesalahan juga bagi sesetengah kumpulan tawaf dengan seorang ketua tawaf sambil melantunkan doa dengan suara yang nyaring dan diikuti oleh jemaah serentak. Maka semakin bingit suara dan hingar bingar dan mengganggu orang tawaf lain. Mereka tidak tahu apa yang disebut dan ini menghilangkan khusyuk dan menyakiti hamba-hamba Allah yang lain di tempat yang sepatutnya aman.

Tawaf dilakukan dalam tujuh pusingan bermula dari Hajar Aswad dan berakhir di situ juga.

Maka tidak sah tawaf dari dalam Hajar Aswad kerana ia sebahagian daripada Kaabah.

Apabila selesai tujuh pusingan, segeralah menuju ke maqam Nabi Ibrahim dan membaca: وَأَتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلِّينَ *«Dan jadikanlah oleh Kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang.»* (Al-Baqarah: 125). Kemudian bersolat dua rakaat di belakangnya sedekat yang mungkin jika mampu. Jika tidak, maka solatlah jauh sedikit dengan menjadikan tempat antaranya dan Kaabah. Dalam rakaat pertama bacalah surah al-Fatihah dan surah al-Kafirun dan dalam rakaat kedua bacalah al-Fatihah dan surah al-Ikhlas.

Patut diperhatikan juga bahawa sesetengah orang Islam solat dua rakaat ini berdekatan dengan maqam Nabi Ibrahim ketika waktu sesak. Maka dia telah menyusahkan orang tawaf dan menyukarkan pergerakan mereka disebabkan oleh kesesakan. Sedangkan harus untuk solat di belakang maqam sekalipun jauh dari maqam sama ada di hujung kawasan tawaf atau di beranda masjid sebagaimana harus untuk solat di mana-mana tempat dan tidak disyaratkan tempat tertentu.

Perlu diperhatikan juga kepada mereka yang menyentuh maqam dan menyapu badan mereka dan anak-anak mereka. Ini adalah bidaah dan kesesatan yang diharamkan. Sesungguhnya Nabi SAW tidak pernah memegang maqam Nabi Ibrahim dan tidak mengizinkan berbuat demikian. Begitu juga para sahabat yang mulia yang lain.

Seterusnya dia kembali ke Hajar Aswad untuk menciumnya jika mampu. Jika tidak maka tidak perlu.

Kemudian dia keluar untuk bersaie. Apabila tiba di Safa bacalah:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ «Sesungguhnya "Safa"

dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) ugama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya. Dan sesiapa yang bersukarela mengerjakan perkara kebajikan, maka sesungguhnya Allah memberi balasan pahala, lagi Maha Mengetahui» (Al-Baqarah: 158) sekali di tempat ini sebelum

memulakan saie. Tidak perlu membaca sekali lagi kemudia dia memanjat bukit Safa sehingga nampak Kaabah. Dia menghadap Kaabah dan mengangkat tangan, memuji Allah dan berdoa sekiranya ingin berdoa. Antara doa Nabi SAW di sini: لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وهو على كل شيء قدير لا إله إلا الله وحده، أنجز وعده، ونصر عبده، وهزم الأحزاب وحده. Dia mengulanginya tiga kali dan berdoa antaranya.¹

Kemudian dia turun dari bukit Safa berjalan sehingga sampai ke tengah lembah yang sekarang kubah seperi kubah Masjidil Haram yang lain tetapi diletakkan di bumbungnya pada permulaannya dengan lampu hijau. Apabila tiba di bumbung berwarna hijau berjalanlah dengan cepat setakat termampu tanpa menyusahkan diri. Sehingga dia tiba di lampu yang kedua berwarna hijau di bumbung. Kemudian dia berjalan seperti biasa semula sehingga sampai di Marwah. Panjat ke atas bukit, menghadap kiblat, angkat tangan untuk berdoa dan bacalah sepertimana dilakukan di Safa.

Kemudian turun semula dari Marwah ke Safa berjalan di laluanannya dan bersegera di tempat perlu bersegera dan memanjat bukit Safa, menghadap kiblat, mengangkat tangan berdoa dan membaca seperti pusingan pertama. Dia membaca pada baki pusingan saie apa yang disukainya sama ada zikir, bacaan, doa dan tidak ada doa dan zikir tertentu bagi setiap pusingan sebagaimana disangka oleh sesetengah orang dan telah disebut dalam bab tawaf.

¹ Diriwatkan oleh Muslim (1218).

Memanjat bukit Safa dan Marwah, saie dalam keadaan laju antara dua bendera semuanya sunat dan tidak wajib.

Apabila selesai tujuh pusingan dari Safa ke Marwah dianggap satu pusingan dan dari Marwah ke Safa satu pusingan lagi. Ia akan berakhir di Marwah. Cukurlah kepalanya jika lelaki atau mengguntingnya. Bercukur lebih afdal kecuali jika melakukan haji Tamattuk kerana haji semakin hampir dan tidak mungkin rambut sempat tumbuh sebelum haji. Maka menggunting lebih afdal agar rambut masih ada untuk dicukur selepas haji. Kerana Nabi SAW apabila tiba di Mekah pada empat Zulhijjah: *Baginda menyuruh sahabat untuk tawaf di Kaabah dan saie antara Safa dan Marwah kemudian menggunting rambut dari kepala mereka kemudian bertahallul. Demikian itu tidak bagi orang yang tidak membuat sembelihan.*¹

Hendaklah bercukur keseluruhan kepala kerana firman Allah Taala: *مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ* «Dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidak pun) menggunting sedikit rambutnya» (Al-Fath: 27) kerana Nabi SAW mencukur seluruh kepala dengan sebelah kanan dahulu diikuti dengan sebelah kiri.² Tidak ada kebenaran dari Nabi SAW untuk mencukur sebahagian kepala dan meninggalkan sebahagian yang lain.

Begitu juga menggunting perlu meliputi seluruh kepala.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1545) dari hadis Abdullah bin Abbas RA.

² Diriwayatkan oleh Muslim (1305) dari hadis Anas bin Malik RA.

Manakala bagi wanita, maka digunting rambutnya sahaja dan tidak boleh bercukur maka dipotong dengan wanita tersebut memegang anak rambut - jika ada. Jika tidak ada dipotong hujung rambut sekadar sepanjang seruas jari dan tidak lebih.

Dengan ini tamatlah umrahnya dan dia telah menjadi halal dan diharuskan baginya semua perkara yang dilarang semasa ihram.

Ringkasan Umrah

- 1- Mandi sebagaimana mandi janabah dan memakai bau-bauan.
- 2- Memakai pakaian ihram iaitu kain dan selendang bagi lelaki dan bagi wanita boleh memakai apa sahaja pakaian yang diharuskan.
- 3- Bertalbiah secara berterusan sehingga tawaf.
- 4- Tawaf di Kaabah tujuh pusingan bermula dari Hajar Aswad serta berakhir juga di situ.
- 5- Solat dua rakaat di belakang maqam Nabi Ibrahim.
- 6- Saie antara Safa dan Marwah tujuh pusingan bermula dari Safa dan berakhir di Marwah.
- 7- Bercukur atau menggunting rambut bagi lelaki dan menggunting bagi wanita.

BAB KESEPULUH: RUKUN DAN WAJIB HAJI

Rukun Haji:

Rukun haji yang tidak sah haji jika ditinggalkan ada empat, iaitu:

1- Berihram iaitu berniat memulakan haji dan berniat itu dilakukan di dalam hati dan tidak perlu melafazkannya. Seseorang tidak perlu berkata *"Sahaja aku berniat menunaikan haji untuk diriku atau untuk orang lain"*. Tidak sah sesuatu amalan itu kecuali dengan niat berdasarkan kepada hadis Umar bin Al-khattab RA katanya: *Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya amalan itu dengan niat dan sesungguhnya bagi setiap orang itu apa yang diniatkan.*¹

Waktu ihram haji bermula dari masuk bulan Syawal dan dengan terbenamnya matahari hari terakhir bulan Ramadan. Maka bermulalah keharusan berihram haji berdasarkan firman Allah Taala: الْحُجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ (Masa untuk mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat haji.» (Al-Baqarah: 197). Bulan-bulan haji ialah Syawal, Zulkaedah dan 10 hari Zulhijjah.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1) dan Muslim (1907).

Ihram dilakukan dari lima tempat-tempat ihram yang telah disebutkan sebelum ini.

2- Berwuquf di Arafah berdasarkan firman Allah Taala: **فَإِذَا أَفَضْتُمْ** *«Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haram (di Muzdalifah)»* (Al- Baqarah: 198). Dari Abdul Rahman bin Ya'mar RA katanya: *Aku melihat Rasulullah SAW didatangi oleh orang ramai lalu mereka bertanya kepadanya tentang haji. Rasulullah SAW bersabda: Haji itu Arafah barang siapa yang sempat bermalam di Arafah sebelum terbit fajar pada malam jamak maka sempurnalah hajinya.*¹

Waktu wuquf di Arafah bermula dari tergelincir matahari pada hari kesembilan Zulhijjah kerana Nabi SAW tidak berwuquf kecuali selepas tergelincir matahari. Dari Jabir bin Abdullah RA katanya: *Sehingga apabila matahari tergelincir Nabi SAW meminta dibawakan untanya, Qaswa. Maka dibawa kepada baginda dan baginda menaikinya hingga tiba ke tengah lembah. Di sana baginda berkhutbah kepada manusia... Kemudian baginda menaiki unta tersebut sehingga tiba di tempat wuquf.*²

Wuquf di Arafah berakhir dengan terbitnya fajar hari yang kedua dari hari yang kesepuluh itu (hari Nahar) mengikut kesepakatan ulama.³ Ia juga berdasarkan kepada hadis Abdul Rahman bin Ya'mar RA katanya: *Aku melihat Rasulullah SAW didatangi oleh orang ramai lalu mereka bertanya kepadanya tentang haji. Rasulullah SAW bersabda: Haji itu Arafah barang*

¹ Diriwayatkan oleh Abu Daud (1949), At-Tirmidzi (889) dan An-Nasa'i (3016) dan Ibnu Majah (3015).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1218).

³ Al-Istzkar Li Ibn Abdul Bar (4/280) dan Al-Mughni Ibnu Qudamah (5274).

*siapa yang sempat bermalam di Arafah sebelum terbit fajar pada malam jamak maka sempurnalah hajinya.*¹

Tempat wuquf ialah di semua kawasan Arafah kerana Arafah semuanya adalah tempat huruf di mana sahaja orang haji berwuquf maka sahlah hajinya. Dari Jabir bin Abdullah RA katanya: *Bahawa Rasulullah SAW bersabda: Aku berwuquf di sini dan Arafah semuanya ialah tempat wuquf.*²

3- Tawaf Ifadah atau dinamakan tawaf haji dan tawaf ziarah iaitu tawaf di Kaabah. Dalil bahawa ia adalah salah satu rukun berdasarkan firman Allah Taala: وَلَيَطُوفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ «Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu.» (Al-Hajj: 29). Dari Aisyah RA katanya: Safiyah binti Huyiy Solat selepas melakukan tawaf Ifadah. Aisyah berkata aku menyebut tentang haidnya kepada Rasulullah SAW maka Rasulullah SAW bertanya: *Adakah dia telah selesai? Aku menjawab wahai Rasulullah, dia telah melakukan tawaf Ifadah di Kaabah kemudian dia didatangi haid selepas tawaf. Rasulullah SAW bersabda: Dia boleh beredar.*³

Oleh itu kata-kata Nabi SAW: “Adakah dia telah selesai?” menjadi dalil bahawa tawaf Ifadah adalah satu rukun yang tidak boleh ditinggalkan. Jika tidak ia tidak dikira sebagai sebab untuk menahannya dan tidak boleh keluar dari Mekah dan pulang mereka ke kampung halaman. Hanya setelah

¹ Diriwayatkan oleh Abu Daud (1949), At-Tirmidzi (889) dan An-Nasaie (3016) dan Ibnu Majah (3015).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1218)(149).

³ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (4401) dan Muslim (1211).

dimaklumkan oleh Aisyah kepada Rasulullah SAW bahawa Sofia telah tawaf Ifadah barulah dia dibenarkan keluar

Waktu tawaf Ifadah bermula selepas wuquf di Arafah dan bermalam di Muzdalifah berdasarkan firman Allah Taala: وَلَيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ «*Dan hendaklah mereka tawafkan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu.*» (Al-Hajj: 29) dan tidak membersihkan badan, menunaikan nazar kecuali selepas wuquf di Arafah dan Muzdalifah selepas pertengahan malam kesepuluh bagi orang yang bermalam di Muzdalifah.

Sunat untuk tawaf pada waktu duha hari yang kesepuluh manakala waktu akhirnya maka tidak ada waktu tertentu sekiranya seseorang itu tawaf pada hari yang kedua belas, ketiga belas atau keempat belas dan seterusnya maka itu tidak mengapa.

4- Saie di antara Safa dan Marwah berdasarkan firman Allah Taala: إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا «*Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) ugama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya.*» (Al-Baqarah: 158). Dari Abdullah bin Abbas RA katanya: *Kemudian baginda menyuruh kami - yakni Nabi SAW - pada petang hari Tarwiah untuk bersiap sedia menunaikan haji. Apabila kami selesai kami datang dan tawaf di Kaabah, saie di Safa dan Marwah kemudian selesailah haji kami dan kami melakukan sembelihan.*¹ Dari Aisyah RA katanya: *Nabi SAW Rasulullah*

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1572).

sunatkan tawaf antara keduanya maka tidak sepatutnya bagi sesiapa pun meninggalkan tawaf antara keduanya.¹ Dan dalam riwayat lain Aisyah berkata: Allah tidak menyempurnakan haji seseorang atau umrahnya selagi dia tidak tawaf antara Safa dan Marwah.²

Waktu saie bagi yang menunaikan haji Qiran dan Ifrad: Bermula waktunya selepas tawaf Qudum dan disunatkan bagi keduanya mengutamakan selepas tawaf Qudum sebelum hari Arafah dan harus bagi keduanya melewati selepas hari Arafah maka dia melakukan saie selepas tawaf Ifadah.

Bagi haji Tamattuk: Bermula waktunya selepas wuquf di Arafah dan bermalam di Muzdalifah, tawaf Ifadah dan dia bersaie selepas tawaf Ifadah. Sunat baginya untuk bersaie selepas tawaf Ifadah pada pagi hari yang kesepuluh. Manakala seperti tawaf Ifadah tidak ditetapkan waktu akhirnya.

Perhatian: Disyaratkan kepada orang yang melakukan saie untuk melakukan tawaf sebelumnya seperti tawaf Qudum, tawaf Ifadah atau tawaf Wada'. Sesungguhnya saie tanpa didahului oleh tawaf maka saienya batal dan tidak sah.

Wajib haji ada tujuh, iaitu:

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1643) dan Muslim (1277).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1790) dan Muslim (1277).

1- Berihram di miqat yang diterima di sisi syarak dan dalil kewajibannya berdasarkan hadis Abdullah bin Umar RA bahawa seorang lelaki telah berdiri di masjid dan berkata kepada Rasulullah: *Dari mana engkau menyuruh kami untuk berihram? Rasulullah bersabda: Bagi penduduk Madinah dari Zulhulaifah, penduduk Syam dari Al-Juhfah, penduduk Najd dari Qarn (Qarnulmanazil).*¹ Dalam riwayat lain Abdullah bin Umar RA berkata: *Rasulullah SAW menyuruh penduduk Madinah berihram dari Zulhulaifah, penduduk Syam dari Al-Juhfah, dan penduduk Najd dari Qarn (Qarnulmanazil).*² Dalam riwayat lain, dari Zaid bin Jubair bahawa Abdullah bin Umar RA datang ke rumahnya dan membawa bersama khemah lalu aku bertanya kepadanya: *Dari mana aku perlu memulakan umrah? Dia menjawab Rasulullah SAW mewajibkannya kepada penduduk Najd dari Qarn (Qarnulmanazil), kepada penduduk Madinah Zulhulaifah dan kepada penduduk Syam Al-Juhfah.*³

2- Berwuquf di Arafah sehingga terbenam matahari kepada orang yang berwuquf pada siang hari kerana Nabi SAW berwuquf di sana sehingga terbenam matahari dan baginda tidak mengizinkan kepada mana-mana kumpulan untuk keluar dari Arafah sebelum terbenam matahari sebagaimana baginda mengizinkan kepada mereka di Muzdalifah walaupun terdapat keperluan di Arafah. Kewajipan wuquf di sana sehingga terbenam matahari untuk menggabungkan antara siang dan malam. Manakala orang yang berwuquf pada waktu malam dan tidak berwuquf pada siang hari, sesungguhnya ia tetap dibalas dengan pahala wuquf yang minima dan tidak mengapa berdasarkan sabda Rasulullah SAW: *Haji itu ialah Arafah siapa*

¹ Diriwayatkan Al-Bukhari (133), Muslim (1182) dan ini berdasarkan kepada lafaz Al-Bukhari.

² Diriwayatkan oleh Muslim (1182) (15).

³ Diriwayatkan Al-Bukhari (1522).

yang datang pada malam digabungkan dengan sebelum terbit fajar maka dia telah mendapat pahala haji.¹

3- Bermalam di Muzdalifah pada malam hari Nahar sehingga selepas pertengahan malam bagi orang yang sempat tiba sebelum tengah malam. Sekiranya dia tiba selepas tengah malam maka memadai baginya tidur seketika dan dibenarkan kepadanya untuk keluar selepas itu.

Dalil wajib bermalam di Muzdalifah, firman Allah Taala: فَإِذَا أَفْضَيْتُمْ مِّنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ «Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah) maka sebutlah nama Allah (dengan doa, "talbiah" dan tasbih) di tempat al-Masy'ar al-Haraam (di Muzdalifah)» (Al-Baqarah: 198). Dalil bahawa waktunya dipanjangkan sehingga terbit fajar ialah hadis Arwah bin Mudarris Al-Taie katanya: Rasulullah SAW bersabda: *Siapa yang sempat bersama kami pada waktu solat ini dan dia tiba di Arafah sebelum itu pada waktu malam atau siang maka sempurnalah hajinya dan dia boleh membersihkan dirinya.²*

Nabi SAW mengutuskan sekumpulan manusia pada waktu malam sebelum fajar dari Muzdalifah ke Mina. Dari Abdullah bin Abbas RA katanya: *Nabi SAW telah datang kepadaku pada malam jamak.³* Dari Abdullah budak suruhan Asma' dari Asma' binti Abu Bakar bahawa dia telah bermalam pada waktu malam jamak di Muzdalifah. Maka dia bersolat seketika. *Kemudian*

¹ Diriwayatkan At-Tirmidhi dalam Jamiknya (889).

² Diriwayatkan oleh Abu Daud (1950), At-Tirmidhi (906), An-Nasaie (3039) dan Ibnu Majah (3016).

³ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1856) dan Muslim (1293).

dia bertanya kepada budak tersebut: Wahai anak, adakah bulan telah hilang? Aku menjawab: Tidak. Maka dia meneruskan solat seketika lagi. Kemudian dia bertanya lagi: Wahai anak, adakah bulan telah hilang? Aku menjawab: Ya. Dia berkata: Bergeraklah sekarang maka kami bergerak sehingga dia selesai melontar di Jamrah. Kemudian dia kembali dan solat subuh di rumahnya. Maka aku berkata kepadanya wahai puan, bukankah sekarang masih gelap? Dia menjawab: Rasulullah mengizinkan untuk bergerak.¹ Dari Salim bin Abdullah bin Umar katanya: Abdullah bin Umar RA bergerak bersama keluarganya maka mereka berhenti di al-Masyar al-Haram di Muzdalifah pada waktu malam. Mereka berzikir kepada Allah kemudian mereka kembali sebelum imam bangkit dan sebelum dia keluar. Antara mereka ada yang datang ke Mina untuk solat fajar dan ada yang datang selepas itu. Apabila mereka tiba, mereka melontar Jamrah. Ibnu Omar RA berkata: Rasulullah SAW mengizinkan kepada mereka.²

Sunat untuk bermalam di Muzdalifah sehingga terbit fajar, solat fajar di sana kemudian kekal di sana sehingga waktu panas sebagaimana dia diterangkan oleh Nabi SAW.

4- Melontar di Jamratul Aqabah sahaja pada hari raya dan melontar di ketiga-tiga Jamrah pada hari Tasyriq pada waktunya. Dalil wajibnya ialah perbuatan Nabi SAW yang telah melontar Jamrah pada hari Nahr dan hari Tasyriq dan sabdanya: *Hendaklah kamu melakukan manasik kamu.*³

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1679) dan Muslim (1291).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1676) dan Muslim (1295).

³ Diriwayatkan oleh Muslim (1297).

5- Bercukur atau menggunting rambut bagi lelaki dan menggunting rambut sahaja bagi wanita. Dalilnya ialah hadis Abdullah bin Abbas RA katanya: *Apabila Nabi SAW tiba di Mekah baginda menyuruh sahabat-sahabatnya untuk tawaf di Kaabah, saie di Safa dan Marwah kemudian bertahallul dan mencukur atau menggunting rambut.*¹ Hadis Jabir bin Abdullah RA: *Maka Nabi SAW menyuruh sahabatnya untuk menjadikannya umrah kemudian mereka tawaf, kemudian mencukur rambut dan bertahallul.* Dari Abdullah bin Abbas katanya: *Rasulullah SAW bersabda: Tidak wajib ke atas wanita untuk bercukur tetapi sebaliknya mereka perlu menggunting rambut.*²

6- Bermalam di Mina beberapa malam Tasyriq iaitu dua malam kesebelas dan kedua belas bagi mereka yang ingin bersegera dan bagi orang yang melewatkannya maka dia menambah malam ketiga belas. Dalil kewajibannya berdasarkan hadis Abdullah bin Umar RA katanya: *Al-Abbas bin Abdul Mutalib meminta izin dari Rasulullah SAW untuk bermalam di Mekah pada malam-malam Mina untuk memberi minum kepada baginda maka diizinkan kepadanya.*³ Jika sekiranya bermalam itu tidak wajib Al-Abbas tidak perlu meminta izin kepada nabi walaupun ianya tidak wajib berdasarkan kepada keizinan kepada Allah apa sahaja tanpa selain daripadanya.⁴ Dan disabitkan dari Umar bin Al-Khattab katanya: *Tidak perlu kepada seseorang pun daripada orang menunaikan haji beberapa malam di Mina tanpa melontar di Aqabah.*⁵

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1731).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1651).

³ Diriwayatkan oleh Abu Daud (1985), Al-Hafiz Ibnu Hajar berkata (sanadnya sahih) Bulughul Maram hlm. 222).

⁴ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1634) dan Muslim (1315).

⁵ Diriwayatkan oleh Malik dalam Al-Muwatta' – Riwayat Abu Musab Al-Zuhri (1410).

7- Tawaf Wada' tidak diwajibkan kepada orang yang datang haid dan nifas. Maka mereka tidak diwajibkan melakukan tawaf berdasarkan hadis Abdullah bin Abbas RA katanya: *Orang ramai disuruh untuk menjadikan perkara terakhir dilakukan di Kaabah kecuali disebabkan haid.*¹ Dalam riwayat lain dari Abdullah bin Abbas RA katanya: *Apabila orang ramai beredar dari segala pelusuk Rasulullah SAW bersabda: Janganlah seseorang daripada kamu meninggalkan Kaabah sehingga perkara yang terakhir dilakukannya ialah di Kaabah.*²

Maka ini ialah perkara-perkara wajib haji yang wajib dilakukan oleh orang haji. Sesiapa yang meninggalkannya maka wajib membayar fidyah seekor kambing atau 7 hari berpuasa atau 7 ekor lembu yang disembelih di Mekah dan dibahagikan kepada orang-orang fakir dari penduduk Mekah

Bakinya dari urusan haji dan keterangannya akan datang dalam sifat haji: sunah-sunah yang perlu dilakukan setakat kemampuannya seperti tawaf Qudum, pergi ke Mina pada hari Tarwiah, bermalam di sana pada malam Arafah, iddiba' (mendedahkan bahu kanan), melontar di Jamrah, mencium Hajar Aswad, membaca zikir dan doa serta mendaki bukit Safa dan Marwah.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1755) dan Muslim (1328).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1327).

BAB KESEBELAS: SIFAT HAJI

Permulaan Haji: Memakai Ihram Haji:

Jika dimulakan pada waktu duha hari Tarwiah - iaitu hari kelapan Zulhijjah - seseorang memakai ihram untuk mengerjakan haji - ketika berada di Mekah - dengan haji dari tempat dia berada sama ada di Mekah atau di luar, dari mana yang terdekat.

Tidak disunatkan untuk pergi ke Masjidil Haram atau masjid lain untuk berihram darinya kerana tidak ada panduan dari Nabi SAW atau dari para sahabat baginda untuk tujuan tersebut.

Para sahabat telah berihram dengan haji Tamattuk ketika bersama Nabi SAW dalam haji Wada' dari tempat mereka berada iaitu Al-Abtah tanpa menetapkan tempat tertentu. Dari Anas bin Malik RA katanya: *Apabila kami tiba, Nabi SAW menyuruh orang ramai menanggalkan ihram sehingga sampai hari Tarwiah barulah mereka bersiap untuk mengerjakan haji.*¹

Dari Jabir bin Abdullah RA bahawa Nabi SAW bersabda kepada mereka: *Tanggalkan dari ihram kamu dengan tawaf di Kaabah dan (saie) antara Safa dan Marwah. Bercukurlah kemudian buatlah perkara yang*

¹ Diriwatikan oleh Al-Bukhari (1551).

*dihalalkan. Sehingga tiba hari Tarwiah maka bersiaplah untuk haji dan jadikan apa yang kamu bawa bersama sebagai kesenangan.*¹

Dari Jabir bin Abdullah RA katanya: *Nabi SAW menyuruh kami setelah menanggalkan ihram untuk berihram semula apabila kami ingin menuju ke Mina. Maka kami bersiap-siap di Al-Abtah.*²

Ketika ingin berihram seseorang melakukan semua yang dilakukan ketika berihram di miqat iaitu mandi, membersihkan diri, tidak memakai pakaian berjahit, menyiapkan diri, memakai wangi-wangian, solat dua rakaat kemudian memakai ihram sebagaimana disebutkan terdahulu. Bezanya untuk haji dia membaca talbiah **لَبَّيْكَ حَجًّا** dan bukannya **لَبَّيْكَ عُمْرَةً**.

Keluar ke Mina:

Apabila selesai berihram dari tempatnya pada hari kelapan: jika dia berada di Mina, dia kekal di sana. Jika berada di luar Mina maka disunatkan baginya menuju ke sana sebelum Zohor, solat Zohor di sana, begitu juga Asar, Maghrib, Isyak, dan Subuh secara qasar tanpa jamak. Dia juga perlu bermalam pada malam tersebut iaitu malam Arafah di Mina. Dari Jabir bin Abdullah RA katanya: *Apabila tiba hari Tarwiah bergeraklah ke Mina dan bersedia untuk haji. Rasulullah SAW menaiki tunggangan dan*

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1568) dan Muslim (1216).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1214).

*solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak, dan Subuh. Kemudian baginda bermalam sehingga terbit matahari.*¹

Wuquf di Arafah:

Apabila terbit matahari pada hari kesembilan Zulijjah, dia berjalan dari Mina ke Arafah dan berhenti di Namirah sehingga tergelincir matahari sekiranya mampu. Jika tidak, maka tiada keperluan kerana berhenti di Namirah adalah sunat dan bukan wajib. Harus juga untuk terus ke Arafah pada malam sebelumnya.

Apabila tergelincir matahari, seorang imam bangkit menyampaikan khutbah kepada orang haji dengan khutbah Arafah kemudian solat Zohor dan Asar bersama mereka secara jamak dan qasar dengan jamak taqdim dua rakaat, dua rakaat. Siapa yang berada jauh dari imam mereka boleh solat bersama imam masing-masing dalam jemaah yang berbeza.

Selepas solat, disunatkan bagi orang haji membanyakkan doa kepada Allah, memujinya dan jika mampu hendaklah wuquf di tempat Nabi SAW berwuquf di kawasan berbatu. Ini yang lebih afdal. Jika tidak dia boleh berwuquf di mana-mana sahaja yang termampu di Arafah.

Tidak disunatkan untuk mendaki Bukit Arafah dan perlu diingatkan dengan apa yang dilakukan oleh segelintir orang jahil yang

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1214).

bersungguh-sungguh memanjatnya dan melakukan perkara bidaah dan terlarang dengan memohon berkat (bertabarruk) dan menyentuhnya atau beriktikad pada binaan yang dibina di puncaknya. Semua itu adalah perkara mungkar dan sesat tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW atau para sahabat yang mulia RA. Maka diharamkan kepada orang haji untuk berbuat kemungkaran dan kesesatan seperti ini.

Arafah semuanya boleh dijadikan tempat wuquf. Tidak kira di mana sahaja semuanya sah. Dari Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Aku berwuquf di sini dan Arafah semuanya tempat wuquf.*¹

Wajib ke atas orang yang berwuquf di Arafah memastikan bahawa dia berada di dalam sempadan Arafah. Terdapat papan tanda yang menentukan sempadannya maka hendaklah diperhatikan. Sesiapa yang tidak pasti sila bertanya. Siapa yang berwuquf di luar sempadan Arafah maka tiada haji baginya kerana haji itu ialah Arafah. Dari Abdul Rahman bin Ya'mar RA katanya: *Aku melihat Rasulullah SAW dan orang ramai mendatangi baginda lalu mereka bertanya tentang haji. Rasulullah SAW menjawab: Haji itu Arafah. Siapa yang mendapat malam Arafah sebelum terbit fajar dari malam jamak maka sempurnalah hajinya. Kemudian dia diikuti seorang lelaki di belakangnya dan baginda memintanya mengulangnya.*²

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1218)(149).

² Diriwayatkan oleh Abu Daud (1949), At-Tirmidhi (889), An-Nasaie (3016), dan Ibnu Majah (3015).

Himpunan Zikir dan Doa:

Disunatkan mengangkat dua tangan ketika berdoa di Arafah. Sabit dari Usamah bin Zaid RA katanya: *Aku berada di belakang Nabi SAW di Arafah. Baginda mengangkat tangannya ketika berdoa. Tiba-tiba unta baginda bersandar kepada baginda dan terjatuhlah tali unta tersebut. Maka baginda mengangkat tali dengan sebelah tangan dan satu tangan yang lain masih diangkat.*¹

Ini ialah antara doa-doa terpilih dari al-Kitab dan as-Sunnah:

{رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ} (Al-Baqarah: 201)
{رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ} (Al-Baqarah: 286)

{رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ} (Ali Imran: 8)

{رَبَّنَا إِنَّا أَمَتًا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ} (Ali Imran: 16)
{رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ} (Ali Imran: 38)

¹ Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (21821), An-Nasaie (3011), dan Ibnu Hajar berkata dalam Fathul Bari (11/142): (Diriwayatkan oleh An-Nasaie dengan sanad yang baik).

{رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَاصْرِفْنَا عَلَى الْقَوْمِ} (Ali Imran: 147)

{رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ آمِنُوا بِرَبِّكُمْ إِفَامَتًا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ} {١٩٣} {١٩٤} {١٩٥} {رَبَّنَا وَآتِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ} (Ali Imran: 193, 194) .

{رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ} (Al-A'raf: 23) .

{حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ} (At-Taubah: 129) .

{رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا وَاجْنُبْنِي وَبَنِيَّ أَنْ نَعْبُدَ الْأَصْنَامَ} (Ibrahim: 35) .

{رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءَ} (Ibrahim: 40) .

{رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ} (Ibrahim: 40, 41) .

{رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا} (Al-Kahf: 10) .

{رَبِّ اشرح لي صدري} {٢٥} {ويسر لي أمري} (Taha: 25, 26) .

{رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا} (Taha: 114) .

{لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ} (Al-Anbia': 87) .

{رَبِّ لَا تَذَرْنِي فَرْدًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْوَارِثِينَ} (Al-Anbia': 89) .

{رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ} {٢٧} {وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَنْ يَحْضُرُونِ} (Al-Mu'minun: 97, 98)

{رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا} {٢٥} {إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا} .
(Al-Furqan: 65, 66)

{رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا} (Al-Furqan: 74) .
{رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ
وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ} (An-Naml: 19) .
{رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ
وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ} (Al-Ahqaf: 15) .
{رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ
رَءُوفٌ رَحِيمٌ} (Al-Hasyr: 10) .
(اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الْإِيمَانَ وَزَيْنَهُ فِي قُلُوبِنَا، وَكَرِّهْ إِلَيْنَا الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ، وَاجْعَلْنَا
مِنَ الرَّاشِدِينَ).
(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ فِتْنَةِ النَّارِ الْقَبْرِ وَعَذَابِ النَّارِ ، وَفِتْنَةِ الْقَبْرِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ ، وَشَرِّ
فِتْنَةِ الْغَنَى وَشَرِّ فِتْنَةِ الْفَقْرِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ ، شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ
الدَّجَالِ، اللَّهُمَّ اغْسِلْ قَلْبِي بِمَاءِ الْكَلْبِجِ وَالْبَرْدِ وَنَقِّ قَلْبِي مِنَ الْخَطَايَا كَمَا نَقَّيْتَ الثَّوْبَ الْأَبْيَضَ
مِنَ الدَّنَسِ، وَبَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ. اللَّهُ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ
مِنَ الْكَسَلِ وَالْمَأْثَمِ وَالْمَغْرَمِ).
(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ، وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ، وَالْهَرَمِ، وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ
الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ).
(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدُرُكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشِمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ) .

(اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ امْرَأِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي، وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَاجْعَلْ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالتَّقَى، وَالْعَفَاةَ وَالْغِنَى.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ، وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ، وَالْبُخْلِ، وَالْهَرَمِ، وَعَذَابِ الْقَبْرِ اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَزَكَّاهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيِّهَا وَمَوْلَاهَا، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا.)

(اللهم اهْدِنِي سَبِيلَكَ، اللَّهُ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالسَّادَاتِ.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ، وَفُجَاءَةِ نَقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ)

(اللَّهُمَّ كَثِّرْ لِي، وَوَلِّدِي، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَنِي.)

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَوَاتِ، وَرَبُّ الْأَرْضِ، وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ابْنُ عَبْدِكَ، ابْنُ أُمْتِكَ نَاصِيَتِي بِيَدِكَ، مَاضٍ فِي حَكْمِكَ، عَدْلٌ فِي قَضَائِكَ، أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمِكَ، عَدْلٌ فِي هُوْلِكَ سَمِيتَ بِهِ نَفْسَكَ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ، وَعَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ، أَوْ اسْتَأْثَرْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي، وَنُورَ صَدْرِي، وَجَلَاءَ حُزْنِي، وَذَهَابَ هَمِّي.)

(اللَّهُمَّ مَصْرِفَ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ.)

(يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ.)

(اللَّهُمَّ إِنَّكَ غَفُورٌ كَرِيمٌ تُحِبُّ لِلْعَفْوِ فَاعْفُ عَنِّي.)
(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ، وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ، وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ، وَأَنْ تَغْفِرَ لِي، وَتَرْحَمَنِي، وَإِذَا أُرِدْتَ فِتْنَةً قَوْمٍ فَتَوَقَّيْ غَيْرَ مَفْتُونٍ بِكَ، وَأَسْأَلُكَ حُبَّكَ، وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ وَحُبَّ عَمَلٍ يَقْرِبُنِي إِلَيْكَ.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ: عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ، مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَا نَعْلَمُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ، مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَا نَعْلَمُ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ مَا سَأَلَكَ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَ بِكَ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ، وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ وَأَسْأَلُكَ أَنْ تَجْعَلَ كُلَّ قَضَاءٍ قَضَيْتَهُ لِي خَيْرًا).

(اللَّهُمَّ اقْسِمْ لَنَا مِنْ خَشْيَتِكَ تَحُولُ بِهِ بَيْنَنَا وَبَيْنَ مَعَاصِيكَ، وَبَطَاعَتِكَ تُبَلِّغُنَا بِهِ جَنَّتِكَ، وَمَنْ الْيَقِينِ مَا تُهَوِّئُ بِهِ عَلَيْنَا مَصَاصِيبَ الدُّنْيَا، اللَّهُمَّ مَتِّعْنَا بِأَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا، وَقُوَّتِنَا أَحْيَيْتَنَا، وَاجْعَلْهُ الْوَارِثَ مِنَّا، وَاجْعَلْ ثَأْرَنَا عَلَى مَنْ ظَلَمْنَا، وَانصُرْنَا عَلَى مَنْ عَادَانَا، وَلَا تَجْعَلْ مَصِيبَتَنَا فِي دِينِنَا، وَلَا تَجْعَلِ الدُّنْيَا أَكْبَرَ هَمِّنَا، وَلَا مَبْلَغَ عِلْمِنَا، وَلَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا مَنْ لَا يَرْحَمُنَا.)
(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ نُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْقَبْرِ.)

(اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي خَطِيئَتِي، وَجَهْلِي، وَإِسْرَافِي فِي إِمْرِي، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي هَزْلِي، وَجِدِّي، وَخَطِيئِي، وَعَمْدِي، وَكُلَّ ذَلِكَ عِنْدِي.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ. فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.)

(اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَإِلَيْكَ أُنَبِّتُ، وَبِكَ خَاصَمْتُ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِعِزَّتِكَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَنْ تُضِلَّنِي، أَنْتَ الْحَيُّ الَّذِي لَا يَمُوتُ، وَالْحَيُّ وَالْإِنْسُ يَمُوتُونَ.)
(اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ، وَرَبَّ الْأَرْضِ، وَرَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، رَبَّنَا وَرَبَّ كُلِّ شَيْءٍ فَالِقَ الْحَبِّ وَالنَّوَى، وَمَنْزِلَ التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ شَيْءٍ إِنْ تَأْخُذْ بِنَاصِيَتِهِ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الْآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ، وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَ كُلِّ شَيْءٍ، وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ، اقْضِ عَنَّا الدَّيْنَ وَأَغْنِنَا مِنَ الْفَقْرِ.)

(اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحُزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْبُخْلِ وَالْجُبْنِ، وَضَلَعِ الدَّيْنِ، وَغَلْبَةِ الرَّجَالِ.)

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ النَّارِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ إِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَالِ.)

(اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيْ مِنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيْ مِنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيْ مَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيْ مَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ، إِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، تَبَارَكَتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ.)
(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ)

Bermalam di Muzdalifah

Kemudian selepas terbenam matahari hari Arafah dan hilangnya cahaya kuning orang haji bergerak ke Muzdalifah dalam keadaan tenang dan tidak menyakiti saudaranya yang lain dalam kalangan orang haji. Apabila tiba di sana, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah solat sebelum menurunkan barangnya dan bersolat Maghrib dan Isyak secara jamak: Maghrib tiga rakaat dan Isyak dua rakaat.

Kemudian dia bermalam di Muzdalifah dan dibolehkan kepada sebahagian lelaki atau wanita untuk bergerak dari Muzdalifah ke Mina selepas tengah malam¹ sebagaimana diterangkan dalam wajib haji.

Manakala bagi yang tidak keuzuran atau peneman orang yang uzur, sunat baginya untuk bermalam di Muzdalifah sehingga terbit fajar, solat fajar di sana dan berada di sana sehingga cerah sebagaimana dilakukan Nabi SAW.

Apabila dia selesai solat fajar, hendaklah pergi ke al-Masy'ar al-Haram sekiranya mampu dengan menghadap kiblat, mengesakan Allah, bertakbir, bertahlil, berdoa dengan sebarang doa sehingga cerah. Kemudian dia bertolak dari Muzdalifah ke Mina sebelum terbit matahari.

¹ Pertengahan malam ialah pertengahan waktu antara terbenam matahari dan terbit matahari. Ia berbeza mengikut panjangnya waktu malam atau pendek tidak sebagaimana disangka oleh sebahagian manusia pada jam dua belas tengah malam.

Sekiranya tidak mampu untuk pergi ke al-Masy'ar al-Haram, dia hanya menghadap kiblat di tempatnya di Muzdalifah, mengesakan Allah, bertakbir, bertahlil, dan berdoa. Dari Jabir bin Abdullah RA katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Aku menyembelih di sini dan Mina semuanya tempat sembelih. Maka sembelihlah di tempat kamu. Aku juga berwuquf di sini. Maka Arafah itu semuanya tempat wuquf. Maka aku berwuquf di sini dan Arafah itu semuanya tempat wuquf.*¹

Melalui Muzdalifah ke Mina dan berhenti seketika

Apabila tiba hari Nahar iaitu hari Aidil Adha Al-Mubarak pada hari kesepuluh Zulhijjah, jemaah haji bergerak dari Muzdalifah ke Mina sebelum terbit matahari. Apabila tiba di Mina, mereka perlu melakukan empat perkara, iaitu:

1- Melontar di Jamratul Aqabah iaitu jamrah terbesar dan terakhir:

Caranya dengan memungut tujuh anak batu lebih besar dari kacang kuda sedikit dari sebarang tempat yang termampu dan tidak diambil dari tempat tertentu kemudian dia melontarkannya di Jamrah satu demi satu. Dia bertakbir pada setiap setiap lontaran dan tidak melontarkan semua anak batu sekaligus.

Dia melontar dari tempat tengah lembah sekiranya mampu dan menjadikan Kaabah di kiri dan Mina di kanannya. Dari Abdul Rahman bin Yazid, dari Abdullah bin Mas'ud RA katanya: *Apabila baginda selesai di*

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1218)(149).

Jamrah Kubra baginda menjadikan Kaabah di sebelah kirinya dan Mina di sebelah kanannya dan melontar tujuh kali dan baginda bersabda: Begitulah cara melontar seperti diturunkan dalam surah Al-Baqarah.¹

Tidak diberi pahala lontaran selain dari anak batu seperti selipar, khuf dan sebagainya. Wajib untuk menjatuhkan anak batu ke dalam kawasan melontar Jamrah dan tidak wajib untuk kekal berada di dalamnya.

2- Menyembelih sembelihan bagi haji Tamattuk dan haji Qiran apabila mampu berbuat demikian. Sekiranya dia telah mewakilkan kepada orang lain untuk menyembelihnya maka tidak mengapa.

Telah diterangkan keterangan tentang sembelihan dan waktu menyembelihnya.

3- Bercukur atau menggunting rambut. Sunat bagi lelaki mencukur kepalanya. Sekiranya dia menggunting rambutnya maka tidak mengapa. Firman Allah Ta'ala: لَتَدْخُلَنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِن شَاءَ اللَّهُ ءَامِنِينَ

مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ «*laitu sesungguhnya kamu tetap akan memasuki Masjid Al-Haraam - insya Allah (pada masa yang ditentukanNya) - dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah kamu) dengan mencukur kepala kamu, dan kalau (tidak pun) menggunting sedikit rambutnya*» (Al-Fath: 27). Nabi SAW telah mencukur kepalanya dan tidak menggunting rambutnya. Dari Anas bin Malik RA: *Bahawa Rasulullah SAW telah tiba di Mina maka baginda melontar di Jamrah. Kemudian baginda*

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1748) dan Muslim (1296).

tiba di tempatnya di Mina dan melakukan sembelihan. Kemudian baginda berkata kepada tukang cukur ambillah dan mengisyaratkan ke bahagian kanan kepalanya kemudian bahagian kiri kepala.¹ Nabi SAW telah mendoakan orang yang bercukur sebanyak tiga kali dan berdoa sekali kepada orang yang menggunting rambut. Dari Abdullah bin Umar RA bahawa Rasulullah SAW berkata: Semoga Allah merahmati orang yang bercukur. Mereka bertanya: Orang yang menggunting rambut, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Semoga Allah merahmati orang yang bercukur. Mereka bertanya lagi: Orang yang menggunting rambut, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Semoga Allah merahmati orang yang bercukur. Mereka bertanya lagi: Orang yang menggunting rambut, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Dan juga orang yang menggunting rambut.²

Disebutkan secara umum kepala dengan bercukur atau bergunting tetapi ia merangkumi semua keseluruhan rambut di kepala. Manakala bagi wanita digunting rambutnya pada hujung sahaja.

Apabila orang haji telah melontar di Jamratul Aqabah , bercukur atau menggunting rambutnya maka halallah baginya apa yang diharamkan kepadanya semasa ihram kecuali bersetubuh. Maka halal baginya memakai baju, seluar, pakaian, wangi-wangian, memotong rambut atau kuku dan sebagainya daripada perkara-perkara yang dilarang kecuali bersetubuh. Keadaan ini dinamakan Tahallul Awwal (tahallul pertama) dan disunatkan baginya untuk memakai wangi-wangian kerana tahalul pertama ini. Dari Aisyah RA katanya: *Aku mewangikan Rasulullah SAW untuk berihram ketika baginda berihram dan ketika bertahallul sebelum baginda tawaf di*

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1305).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1727) dan Muslim (1301).

*Kaabah.*¹ Dalam riwayat lain: *Aku mewangikan Nabi SAW sebelum baginda berihram dan ketika hari Nahar sebelum baginda tawaf di Kaabah dengan wangian kasturi.*²

4- Tawaf di Kaabah dan dinamakan tawaf Ifadah atau tawaf ziarah atau tawaf haji. Firman Allah Taala: **ثُمَّ لْيَقْضُوا تَفَثَهُمْ وَلْيُوفُوا نُذُورَهُمْ** «Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya, dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu» (Al-Hajj: 29). Dari Jabir bin Abdullah RA dalam menyatakan sifat haji Nabi SAW katanya: *Kemudian baginda menaiki tunggangan dan melakukan tawaf Ifadah di Kaabah. Selepas itu baginda solat Zohor di Mekah.*³ Dari Aisyah RA katanya: *Kami menunaikan haji bersama Nabi SAW maka kami lakukan tawaf Ifadah pada hari Nahar.*⁴ Dari Abdullah bin Umar RA dalam menyatakan sifat haji Nabi SAW katanya: *Dan baginda menyembelih sembelihannya pada hari Nahar serta melakukan tawaf Ifadah di Kaabah. Kemudian baginda bertahallul dari perkara yang diharamkan.*⁵

Jika orang haji melakukan haji Tamattuk wajib ke atasnya untuk bersaie antara Safa dan Marwah selepas tawaf Ifadah kerana saienya yang pertama dilakukan untuk umrah dan diwajibkan kepadanya untuk bersaie haji. Hal ini kerana umrah satu perkara dan haji satu perkara lain dan tidak

¹ Dirwayatkan oleh Al-Bukhari (1539) dan Muslim (1189)(33).

² Dirwayatkan oleh Muslim (1191)(46).

³ Dirwayatkan oleh Muslim (1218).

⁴ Dirwayatkan oleh Al-Bukhari dengan lafaz ini (1733).

⁵ Dirwayatkan oleh Al-Bukhari (1691) dan Muslim (1227).

sempurna haji kecuali dengan saie. Firman Allah Taala: إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِن

شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا

«Sesungguhnya "Safa" dan "Marwah" itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) ugama Allah; maka sesiapa yang menunaikan ibadat Haji ke Baitullah atau mengerjakan Umrah, maka tiadalah menjadi salah ia bersaie (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya» (Al-Baqarah: 158). Dari Abdullah bin Abbas RA bahawa dia ditanya tentang kesenangan haji katanya: Orang Muhajirin, orang Ansar dan isteri-isteri Nabi SAW bertahallul dalam haji Wada' dan begitu juga kami. Apabila kami tiba di Mekah, Rasulullah SAW bersabda: Jadikan tahallul kamu untuk haji sebagai umrah kecuali orang yang perlu membuat sembelihan. Maka kami tawaf di Kaabah, saie di Safa dan Marwah, kami mendatangi isteri kami, dan memakai pakaian biasa. Baginda bersabda: Siapa yang membuat sembelihan maka dia tidak bertahallul sehingga selesai melakukan sembelihan. Kemudian baginda menyuruh kami pada petang hari Tarwiah untuk bersiap-siap melakukan haji. Apabila kami selesai menunaikannya maka kami datang dan bertawaf di Kaabah, saie di Safa dan Marwah. Maka selesailah haji kami dan kami perlu membuat sembelihan¹. Dari Aisyah RA katanya: Maka telah tawaf orang-orang yang melakukan umrah di Kaabah, saie di Safa dan Marwah kemudian bertahallul. Mereka seterusnya tawaf sekali lagi selepas mereka pulang dari Mina untuk haji mereka. Manakala orang yang mengumpulkan haji dan umrah mereka tawaf sekali sahaja.²

Manakala jika haji dilakukan secara Ifrad atau Qiran sekiranya dia telah bersaie selepas tawaf Qudum maka tidak perlu melakukan saie sekali

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1572).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari 1556 dan Muslim (1211).

lagi kerana dia telah melakukan saie. Dari Jabir bin Abdullah RA katanya: *Nabi SAW tidak tawaf begitu juga sahabatnya antara Safa dan Marwah kecuali sekali tawaf sahaja* dan dia menambah dalam riwayat lain *tawafnya yang pertama*.¹ Ia juga menjadi dalil daripada hadis Aisyah bahawa orang yang menghimpunkan haji dan umrah sesungguhnya mereka tawaf antara Safa dan Marwah sekali sahaja.

Sekiranya tidak melakukan saie, wajib ke atasnya saie kerana haji tidak lengkap tanpa saie sebagaimana diterangkan sebelum ini.

Apabila selesai haji dan tawaf Ifadah serta saie antara Safa dan Marwah maka selesailah Tahalul Thani (tahlull kedua) dan halallah baginya semua yang diharamkan. Dari Abdullah bin Umar RA dalam menyatakan sifat haji Nabi SAW katanya: *Kemudian baginda tidak menghalalkan dari perkara yang diharamkan sehinggalah selesai hajinya, menyembelih sembelihannya pada hari Nahar, melakukan tawaf Ifadah di Kaabah. Kemudian baginda bertahallul dari semua perkara yang diharamkan daripadanya*.²

Semua yang diterangkan datang dari Nabi SAW amalannya dan disebutkan dalam hadis Jabir bin Abdullah RA yang panjang. *Nabi kekal berwuquf sehingga panas dan baginda bergerak sebelum terbit matahari... sehingga baginda tiba di tengah kawasan yang tiada tumbuhan maka baginda bergerak sedikit. Selepas itu, baginda mengambil jalan tengah menuju ke Jamrah Kubra sehinggalah baginda sampai di Jamrah yang ada*

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1215).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1691) dan Muslim (1227).

pokok. Maka baginda melontar tujuh anak batu, bertakbir pada setiap anak batu seperti anak batu kerikil, melontar dari tengah lembah kemudian baginda beredar ke tempat sembelihan. Baginda menyembelih 63 ekor dengan tangannya kemudian memberikannya kepada Ali dan Ali menyembelih bakinya. Baginda membahagikan sembelihannya kemudian menyuruh dimasukkan ke dalam periuk dan dimasak. Mereka makan dari dagingnya dan minum kuahnya. Kemudian baginda menaiki tunggangan dan membuat tawaf Ifadah di Kaabah. Selepas itu baginda solat Zohor di Mekah.¹

Sunnah dari amalan-amalan yang empat ini untuk dilakukan pada hari raya selepas terbit matahari dengan mengikut turutan sebagaimana disebut dalam hadis dan senarainya seperti berikut:

- 1- Melontar di Jamratul Aqabah.
- 2- Menyembelih sembelihan bagi orang yang menunaikan haji Tamattuk dan haji Qiran
- 3- Bercukur atau menggunting rambut
- 4- Tawaf kemudian saie bagi haji Tamattuk manakala haji Qiran dan haji Ifrad maka dia hanya tawaf kemudian bersaie kecuali jika dia telah melakukan saie semasa tawaf Qudum maka memadai pada hari raya dengan tawaf Ifadah sahaja kerana saienya telah selesai.

Sekiranya dia telah melakukan sebahagian sahaja dari amalan ini maka tidak mengapa baginya. Dari Abdullah bin Amru RA bahawa Rasulullah SAW telah berdiri semasa haji Wada' di Mina agar orang ramai dapat bertanya kepada baginda. Maka telah datang kepadanya seorang lelaki dan berkata: *Aku belum memotong rambut. Bolehkah aku bercukur*

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1218).

*sebelum aku menyembelih? Baginda menjawab: Sembelihlah, tidak mengapa. Kemudian datang seorang lagi dia bertanya: Aku belum memotong rambut. Bolehkah aku menyembelih sebelum aku melontar? Baginda menjawab: Melontarlah, tidak mengapa. Nabi SAW tidak ditanya tentang sesuatu pun melainkan baginda menjawab: Buatlah, tidak mengapa.*¹

Dalam riwayat lain: Aku mendengar Rasulullah SAW telah datang kepadanya seorang lelaki pada hari Nahar dan baginda sedang berdiri di Jamrah lalu lelaki itu bertanya: *Wahai Rasulullah, aku telah bercukur sebelum aku melontar. Baginda menjawab: Melontarlah, tidak mengapa. Dan datang seorang lelaki lain datang lalu bertanya: Aku telah menyembelih sebelum melontar. Baginda menjawab. Melontarlah, tidak mengapa. Dan datang seorang lelaki lagi lalu berkata: Aku telah melakukan tawaf Ifadah di Kaabah sebelum aku melontar. Baginda menjawab: Melontarlah, tidak mengapa. Kemudian dia berkata: Aku tidak melihat baginda ditanya sejak pada hari itu tentang sesuatu kecuali baginda menjawab: Buatlah, tidak mengapa.*²

Kembali ke Mina untuk bermalam dan melontar Jamrah

Apabila jemaah haji selesai tawaf dan saie pada hari raya, dia akan kembali ke Mina dan bermalam di sana sehingga tamat hari Tasyriq. Mereka wajib bermalam di Mina pada malam kesebelas, malam kedua belas dan jika dia ingin melewatkan maka perlu bermalam pada malam ketiga belas.

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (83) dan Muslim (1306).

² Diriwayatkan oleh Muslim (1306)(333).

Ini adalah paling afdal. Firman Allah Taala: **وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ** «Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadanya» (Al-Baqarah: 203). Dari Abdulrahman bin Ya'mur Al-Dili RA dia berkata: Aku datang kepada Nabi SAW ketika baginda di Arafah. Maka datanglah sekumpulan manusia dari penduduk Najd. Mereka meminta seorang lelaki memanggil Rasulullah SAW lalu bertanya: Bagaimanakah haji itu? Maka baginda menyuruh seorang lelaki mengulangnya: Haji itu pada hari Arafah sesiapa yang datang sebelum solat Subuh pada malam jamak maka sempurnalah hajinya kepada hari-hari Mina itu tiga hari barang siapa mempercepatkannya dua hari maka tidak ada dosa baik kepadanya dan barang siapa yang melewatkannya maka tidak ada dosa ke atasnya. Kemudian datang seorang lelaki di belakangnya dan diminta mengulangnya.¹ Dari Aisyah RA katanya: Rasulullah SAW telah melakukan tawaf Ifadah pada akhir harinya ketika baginda solat Zuhur kemudian baginda kembali ke Mina mereka baginda bermalam di sana pada malam-malam pada hari-hari Tasyriq melontar di Jamrah apabila matahari tergelincir setiap lontaran tujuh anak batu baginda bertakbir pada setiap

¹ Dirwayatkan oleh Abu Daud (1975), At-Tirmidhi (955), An-Nasaie (3069), Ibnu Majah (3037) dan Ahmad dalam Al-Musnadnya (23775).

lontaran baginda berdiri pada kali pertama dan kedua dan melambat memanjangkan berdiri dan melontar kali ketiga dan tidak berdiri di situ.¹

Boleh untuk tidak bermalam jika uzur yang berkaitan dengan kepentingan haji atau orang haji. Dari Abdullah bin Umar RA katanya: *Al-Abbas bin Abdul Muttalib meminta izin dari Nabi SAW untuk bermalam di Mekah pada malam-malam Mina untuk agar dapat memberi minum kepada baginda maka dia diizinkan.²*

Dari Asim bin Uday bahawa Rasulullah SAW membenarkan kepada penternak unta di Al-Baitutah melontar pada hari Nahr kemudian mereka melontar keesokkan harinya atau dua hari kemudian dan mereka melontar pada hari Nafar.³

Dia melontar ketiga-tiga Jamrah pada setiap hari dari hari Tasyriq setiap kali tujuh anak batu berturut-turut, bertakbir pada setiap lontaran dan melontar sehingga tergelincir matahari.

Baginda melontar di Jamrah Al-Ula yang berdekatan dengan Masjid Al-Khaif kemudian baginda bergerak sedikit dan mengadap kiblat dan berdiri agak lama serta berdoa di sana dengan mengangkat dua tangannya.

¹ Diriwayatkan oleh Abu Daud (1973), dan dalam sanadnya ada kelemahan tetapi dikuatkan oleh syawahid lain.

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1634) dan Muslim (1315).

³ Diriwayatkan oleh Abu Daud (1975), At-Tirmidhi (955), An-Nasaie (3069), Ibnu Majah (3037) dan Ahmad dalam Al-Musnadnya (23775).

Kemudian baginda melontar di Jamrah Al-Wusta yang sedikit ke utara dan baginda berjalan sedikit menghadap kiblat dan berdiri agak lama serta berdoa dengan mengangkat kedua tangannya.

Kemudian baginda melontar di Jamratul Aqabah lalu baginda beredar dan tidak berdiri di situ.

Dari Salim bin Abdullah bin Umar bahawa Abdullah bin Umar RA ketika dia melontar Jamrah yang paling dekat dengan tujuh anak batu, dia bertakbir pada setiap lontaran, menghadap kiblat dan berdiri agak lama serta berdoa dengan mengangkat dua tangannya. Kemudian dia melontar di Jamrah Al-Wusta. Kemudian dia pergi ke kiri dan menghadap kiblat dan berdiri agak lama lalu dia berdoa dan mengangkat tangannya. Kemudian dia melontar di Jamratul Aqabah dari pertengahan lembah. Dia tidak berdiri di situ dan berkata: Begitulah aku melihat Rasulullah SAW lakukan di Jamrah.¹

Melontar Jamrah pada hari-hari Tasyriq dilakukan selepas tergelincir matahari. Dari Jabir bin Abdullah RA katanya Rasulullah SAW melontar di Jamrah pada hari Nahar pada waktu pagi manakala hari lainnya selepas tergelincir matahari.² Dari Wabarah bin Abdulrahman katanya: *Aku bertanya kepada Ibnu Umar RA bilakah dia melontar Jumrah? Dia menjawab: Apabila imam kamu melontar maka mulalah melontar. Aku mengulangi ke atasnya dengan persoalan. Katanya kami menanti apabila matahari tergelincir, kami mula melontar.*³

¹ Diriwayatkan oleh Abu Daud (1975), At-Tirmidhi (955), An-Nasaie (3069), Ibnu Majah (3037) dan Ahmad dalam Al-Musnadnya (23775).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1752).

³ Diriwayatkan oleh Muslim (1299).

Apabila orang haji selesai melontar di ketiga-tiga Jamrah pada hari kedua belas maka tamatlah wajib haji. Maka terpulang kepadanya untuk kekal di Mina pada hari ketiga belas atau melontar Jamrah selepas tergelincir matahari sekiranya dia mahu dia boleh membuat nafar. Firman Allah Taala: **وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ**

«Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah» (Al Baqarah: 203). Melewatkannya adalah lebih baik kerana Nabi SAW melakukan demikian kerana baginda memperbanyakkan amalannya sehinggalah lewat malam ketiga belas dan melontar di Jamrah pada siangya.

Sesiapa yang mahu menyegerakan dalam dua hari maka wajib ke atasnya untuk keluar dari Mina sebelum terbenam matahari pada hari kedua belas. Sekiranya matahari telah terbenam pada hari kedua belas sebelum membuat nafar maka dia tidak perlu tergesa-gesa kerana Allah Taala berfirman: **فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ** «Dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa». Kesegeraan itu dibataskan dalam dua hari dan tidak dimutlakkan. Apabila selesai dua hari maka telah tamatlah waktu untuk bersegera dan harinya berakhir dengan terbenam matahari.

Dari Abdullah bin Umar RA katanya: *Siapa yang menyaksikan matahari terbenam pada pertengahan hari Tasyriq dan dia masih di Mina maka tidaklah dia perlu bernafas sehingga dia melontar di Jamrah pada keesokan harinya.*¹

Mewakilkkan Melontar

Wajib ke atas orang haji lelaki dan wanita untuk melontar di Jamrah dan tidak boleh mewakilkkan kepada orang lain kecuali bagi yang tidak mampu seperti terlalu muda atau terlalu tua, sakit, atau lemah yang tidak mampu melontar.

Jika dia tidak mampu melontar, harus baginya mewakilkkan kepada orang yang dipercayai. Syaratnya dia mestilah melontar buat dirinya dahulu kemudian barulah melontar bagi pihak yang diwakilkkan.

Cara melontar sebagai wakil: hendaklah melontar untuk dirinya sendiri sebanyak tujuh anak batu kemudian melontar bagi pihak yang diwakilkkan selepas itu.

Tidak mengapa untuk dia melontar bagi dirinya dan orang yang diwakilkannya pada satu masa. Dia tidak perlu untuk menghabiskan ketiga-tiga Jamrah terlebih dahulu bagi dirinya sebelum dan kembali melontar bagi pihak yang diwakilkannya.

Tawaf Wada'

¹ Diriwayatkan oleh Malik dalam Al-Muwatta' (214).

Apabila orang haji selesai melakukan semua kerja haji dan dia ingin bergerak pulang tidak harus baginya untuk keluar dari Mekah sehinggalah selesai tawaf Wada'. Dari Abdullah bin Abbas RA katanya: *Orang ramai mula meninggalkan Mekah dari segenap arah. Maka Rasulullah SAW bersabda: Jangan seseorang daripada kamu pulang sehinggalah perkara terakhir yang dilakukannya ialah di Kaabah.*¹

Apabila dia telah tawaf Wada' maka tidak harus kekal berada di Mekah, serta menyibukkan diri dengan perkara yang tidak berkaitan dengan perjalanan pulang dan keperluannya seperti mengikat barang-barang, menunggu teman perjalanan, atau menunggu kenderaan tunggangan. Sekiranya dia tinggal dan berbuat perkara selain yang disebutkan dia wajib mengulangi tawaf agar menjadi perkara terakhir yang dilakukan ialah tawaf di Kaabah.

Manakala wanita haid atau nifas maka terlepas daripada kefarduan tawaf Wada' ini maka dia tidak perlu tawaf lagi dan itu tidak mengapa. Abdullah bin Abbas RA berkata: *Orang ramai disuruh menjadikan urusan terakhir di Kaabah kecuali dimaafkan disebabkan haid.*²

Ringkasan Kerja Haji

Amalan pada hari pertama iaitu hari kelapan Zulhijjah

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (1327).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1755) dan Muslim (1328).

1- Memakai ihram haji dari tempat dia berada, mandi, memakai wangi-wangian dan memakai pakaian ihram serta membaca doa:

لَبَّيْكَ حَجًّا، لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنَّعْمَةَ لَكَ وَالْمَلَكُ، لَا شَرِيكَ لَكَ.

2- Menuju ke Mina dan berada di sana sehingga terbit matahari pada hari kesembilan. Seterusnya solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh pada hari kelapan. Setiap solat dilakukan pada waktunya dan solat empat rakaat diqasarkan.

Amalan pada hari kedua iaitu hari kesembilan Zulhijjah

1- Menuju ke Arafah selepas matahari mulai naik. Solat Zohor dan Asar secara qasar dan jamak taqdim dan singgah di Namirah sebelum matahari terbenam jika berkesempatan.

2- Menyibukkan diri dengan solat, zikir dan berdoa dengan menghadap kiblat dan mengangkat dua tangan sehingga matahari tenggelam.

3- Menuju ke Muzdalifah selepas terbenam matahari. Solat Maghrib tiga rakaat dan Isya' dua rakaat dan bermalam di sana sehingga terbit fajar.

Amalan pada hari ketiga iaitu hari raya Aidil Adha

1- Solat Fajar selepas terbit fajar kemudian menyibukkan diri dengan zikir, dan doa sehingga naik matahari.

2- Menuju ke Mina sebelum matahari naik.

3- Apabila tiba di Mina, menuju ke Jamratul Aqabah dan melointar dengan tujuh anak batu secara berturut-turut satu demi satu serta diiringi dengan takbir pada setiap lontaran.

4- Menyembelih sembelihan jika diperlukan.

5- Mencukur rambut atau mengguntingnya. Seterusnya bertahallul awal dan memakai pakaian biasa, memakai wangi-wangian dan menghalalkan semua bentuk larangan ihram kecuali bersetubuh.

6- Berhenti sekejap di Mekah dan tawaf di Kaabah untuk tawaf Ifadah, iaitu tawaf haji, saie di Safa dan Marwah untuk haji sekiranya melakukan haji Tamattuk. Sebaliknya jika bukan haji Tamattuk dia tidak perlu saie bersama tawaf Qudum. Dengan ini selesailah Tahallul Thani (kedua) dan halal baginya semua larangan semasa ihram termasuk bersetubuh.

7- Kembali ke Mina dan bermalam di sana pada malam kesebelas.

Amalan pada hari keempat iaitu hari kesebelas Zulhijjah

1- Melontar di ketiga-tiga Jamrah: Al-Ula, Al-Wusta dan Jamratul Aqabah . Setiap satu dengan tujuh anak batu berturut-turut dan berakbir pada setiap lontaran. Melontar dilakukan selepas tergelincir matahari. Digalakkan berdoa selepas setiap Jamrah Al-Ula dan Al-Wusta.

2- Bermalam di Mina malam kedua belas.

Amalan pada hari kelima iaitu hari kedua belas Zulhijjah

1- Melontar di ketiga-tiga Jamrah sebagaimana dia melakukannya pada hari keempat.

2- Beredar dari Mina sebelum terbenam matahari jika dia ingin mempercepatkan atau bermalam di sana jikan ingin melewatkannya.

Amalan pada hari keenam iaitu hari ketiga belas Zulhijjah

Hari ini hari khusus bagi yang ingin melewatkan dan boleh melakukan perkara berikut:

1- Melontar di ketiga-tiga Jamrah sebagaimana dia melakukannya pada dua hari sebelumnya.

2- Beredar dari Mina selepas itu.

Amalan terakhir ialah tawaf Wada' Ketika ingin berangkat pulang. *Wallahu a'lam.*

BAB KEDUA BELAS: MENZIARAH MASJID NABAWI

Disunatkan menziarahi Masjid Nabawi iaitu salah satu antara tiga masjid yang digalakkan menziarahinya dan bersolat di dalamnya. Antara dalilnya:

Dari Abu Hurairah RA, dari Nabi SAW bersabda: *Tidak digalakkan pergi kecuali ke tiga buah masjid: iaitu masjidku ini, Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa.*¹

Dari Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda: *Solat di masjidku ini lebih afdal daripada seribu solat di masjid lain kecuali Masjidil Haram.*²

Dari Abu Hurairah RA, dari Nabi SAW bersabda: *Antara masjidku dan mimbarku terdapat satu taman dari taman-taman syurga dan mimbarku di atas telagaku.*³

Maka disunatkan bagi orang haji dan selain daripadanya untuk menziarahi Masjid Nabi SAW dan bersolat di dalamnya sebelum atau sesudah mengerjakan haji. Tidak terdapat sebarang waktu khusus untuk ziarah dan ia tidak termasuk dalam syarat haji, rukun atau wajib haji. Haji juga tidak tergantung kepada ziarah ini dan sekiranya seseorang melakukan

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1189) dan Muslim (1397).

² Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1190) dan Muslim (1394).

³ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1196) dan Muslim (1391).

haji tanpa menziarahi Masjid Nabi SAW maka hajinya masih sah dan tidak mengapa.

Hendaklah dia ingat bahawa tujuan perjalanan ke Madinah Munawwarah untuk menziarahi Masjid Nabawi bukannya untuk menziarahi maqam Nabi SAW atau maqam sahabat RA, masjid Quba' atau tempat-tempat lain kerana tidak dibenarkan berniat untuk bermusafir ke tempat ibadah kecuali tiga tempat yang disebutkan dalam hadis Abu Hurairah yang terdahulu: Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan Masjidil Aqsa.

Apabila pelawat telah sampai di Masjid Nabawi disunatkan baginya untuk melakukan sebagaimana ketika memasuki mana-mana masjid, iaitu: mengutamakan kaki kanan dan membaca:

بسم الله، والصلاة والسلام على رسول الله، أعوذُ بالله العظيم، وبوجهه الكريم،
وسلطانه القديم من الشيطان الرجيم، اللهم افتح لي أبواب رحمتك

Tiada zikir khusus lain.

Dari Abu Humaid, dari Abu Usaid, Rasulullah SAW bersabda:
*Apabila seseorang daripada kamu memasuki masjid maka bacalah: اللهم
اللهم إني أسألك من* *افتح لي أبواب رحمتك* *dan apabila keluar maka bacalah:*
فضلك.¹

Dari Abdullah bin Amru bin Al-'As, dari Nabi SAW bahawa apabila baginda memasuki masjid baginda membaca:²

أعوذُ بالله العظيم، وبوجهه الكريم، وسلطانه القديم من الشيطان الرجيم

¹ Diriwayatkan oleh Muslim (713).

² Diriwayatkan oleh Abu Daud (466).

Telah sabit dari Kaab Al-Ahbar rahimahullah bahawa dia berkata kepada Abu Hurairah RA: *Aku memberitahumu dua perkara maka jangan dilupakannya: Apabila kamu memasuki masjid maka ucapkanlah salam ke atas Nabi SAW dan ucapkan اللهم افتح لي أبواب رحمتك dan apabila keluar maka selawatlah ke atas Nabi SAW dan bacalah: الله احفظني من الشيطان*.¹

Dan sabit daripada Abdullah bin Salam RA bahawa: *Apabila dia memasuki masjid dia mengucapkan salam ke atas Nabi SAW dan membaca: اللهم افتح لي أبواب رحمتك dan apabila keluar dia berselawat ke atas Nabi SAW dan memohon perlindungan dari syaitan*.²

Seterusnya hendaklah dia menunaikan solat tahiyyatul masjid. Dari Abu Qatadah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: *Apabila seseorang daripada kamu memasuki masjid maka solatlah dua rakaat sebelum duduk. Sekiranya dapat bersolat di raudah itu adalah lebih baik*.³ Dari Abu Hurairah RA, dari Nabi SAW bersabda: *Antara rumahku dan mimbarku terdapat satu taman dari taman-taman syurga dan mimbarku di atas telagaku*.⁴ Jika dia tidak berpeluang solat di raudah solatlah di mana-mana tempat di dalam masjid.

¹ Diriwayatkan oleh An-Nasaie dalam Sunan Kubra (9480) dan diriwayatkan juga dari Nabi SAW secara marfuk tetapi disahkan oleh kata-kata Kaab Al-Ahbar dan bukannya dari kata-kata Nabi SAW.

² Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dalam musannafnya (1/298), (6/97).

³ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (444) dan Muslim (714).

⁴ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1191) dan Muslim (1391).

Menziarahi maqam Nabi SAW dan maqam dua sahabat baginda

Selepas menunaikan solat tahiyyatul masjid di Masjid Nabawi pada kali pertama, disyorkan untuk memberi salam kepada Nabi SAW dan dua sahabat baginda Abu Bakar As-Siddiq dan Umar bin Al-Khattab RA.

1- Caranya ialah dengan berdiri di hadapan maqam Nabi SAW dan menghadap maqam dengan penuh adab dan merendahkan suara dan membaca **السلام عليك يا رسول الله ورحمة الله وبركاته**. Sekiranya dia menambah dalam salamnya **السلام عليك يا نبي الله، السلام عليك يا خير الله وخلقه، السلام عليك يا سيد المرسلين، والمتقين، أشهد أنك قد بلغت الرسالة، وأديت الأمانة، ونصحت** itu juga tidak mengapa kerana semuanya merujuk kepada sifat-sifat Nabi SAW.

Sekiranya dia memendekkan bacaan sebagaimana yang pertama sahaja maka sudah memadai kerana terdapat dalil daripada Abdullah bin Umar RA sebagaimana akan disebutkan.

2- Kemudian dia melangkah ke kanan untuk berada di hadapan maqam Abu Bakar RA dan membaca **السلام عليك يا أبا بكر**. Sekiranya dia menambah dalam salamnya dengan sesuatu yang sesuai maka tidak mengapa seperti **السلام عليك يا خليفة رسول الله صلى الله عليه وسلم في أمته، رضي الله عنك وجزاك عن أمة محمد صلى الله عليه وسلم خيرًا**.

Sekiranya dia memendekkan bacaan sebagaimana yang pertama sahaja maka sudah memadai kerana terdapat dalil daripada Abdullah bin Umar RA sebagaimana akan disebutkan.

3- Kemudian dia melangkah ke kanan lagi untuk berada di hadapan maqam Umar bin Al-Khattab RA dan membaca *السلام عليك يا عمر*. Sekiranya dia menambah dalam salamnya dengan sesuatu yang sesuai maka tidak mengapa seperti *السلام عليك يا أمير المؤمنين رضي الله عنك وجزاك عن أمة محمدٍ محمدٍ صلى الله عليه وسلم خيرًا*.

Sekiranya dia memendekkan bacaan sebagaimana yang pertama sahaja maka sudah memadai kerana terdapat dalil daripada Abdullah bin Umar RA.

Dari Nafi' mawla Ibnu Umar bahawa Ibnu Umar apabila kembali dari musafir dia akan memasuki masjid. Kemudian dia akan menziarahi maqam dan berkata *السلام عليك يا رسول الله، السلام عليك يا أبا بكر، السلام عليك يا أبتاه*.¹

Dari Abdullah bin Dinar katanya: *Aku melihat Abdullah bin Umar berdiri di hadapan kubur Nabi SAW dan mengucapkan salam ke atas Nabi SAW, Abu Bakar dan Umar RA.*²

Seseorang itu mestilah menjaga adab syar'ie dan sifat terpuji ketika memberi salam ke atas Nabi SAW dan dua sahabat baginda dengan penuh penghormatan, merendah suara kerana mengangkat suara di dalam masjid adalah ditegah. Dari Al-Saib bin Yazid katanya: *Aku berdiri di masjid*

¹ Diriwayatkan oleh Ismail Al-Jahdami dalam Fadh As-Solah Ala An-Nabi SAW (100).

² Diriwayatkan oleh Malik dalam Al-Muwatta' (1/166) dan Ismail Al-Jahdami dalam Fadh As-Solah Ala An-Nabi SAW (98).

seorang lelaki telah memanggilku. Aku mendapatinya ialah Umar bin Al-Khattab yang berkata: Pergi kamu dan bawa dua orang lelaki ini. Maka aku membawa mereka berdua kepada Umar lalu dia bertanya: Siapa kamu berdua atau dari mana kamu berdua datang? Mereka menjawab: Dari Taif. Jika kamu berdua orang tempatan nescaya aku akan memukul kamu kerana mengangkat suara di Masjid Rasul SAW.¹

Tidak boleh berada terlalu lama di kubur Nabi SAW dan kubur dua sahabat. Imam Malik bin Anas memakruhkannya dan berkata: Ia adalah satu bidaah yang tidak pernah dilakukan oleh salaf dan tidak boleh dilakukan oleh umat terkemudian jika tidak dilakukan oleh umat terdahulu.

Imam Malik bin Anas juga memakruhkan kepada penduduk Madinah apabila setiap kali masuk ke masjid untuk menziarahi kubur Nabi SAW kerana salaf tidak melakukannya bahkan mereka mereka dahulunya masuk ke masjid dan terus solat di belakang Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali RA. Di dalam solat mereka membaca *السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته*. Kemudian apabila selesai solat mereka duduk atau terus keluar dan tidak menziarahi kubur untuk memberi salam kerana mengetahui bahawa selawat dan salam mereka di dalam solat lebih sempurna dan afdal.

Yang wajib dilakukan ialah berdo'a kepada Allah sahaja dan tidak berdo'a kepada Rasulullah SAW dan tidak memohon pertolongan dari

¹ Diriwatikan oleh Al-Bukhari (470).

baginda atau memohon bantuan dan hajat kecuali dari Allah Taala sahaja sama ada di Masjid Nabawi atau masjid-masjid lain.

Allah berfirman **وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِلْمِي**

«Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina» (Ghafir: 60). Dan firman Allah lagi: **وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ**

«Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul» (Al-Baqarah: 186). Dan firman Allah: **ادْعُوا رَبَّكُمْ**

«Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas» (Al-A'raf: 55). Dan firman Allah: **قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ** *«Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam»*. **لَا شَرِيكَ لَهُ ۚ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ** *«Tiada sekutu bagiNya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh*

umatku) adalah orang Islam yang awal pertama - (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya)"» (Al-An'am: 162, 163). Dan firman Allah: وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنْ

الظَّالِمِينَ «Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)» (Yunus: 106). Dan firman Allah: قُلْ لَا

أَمْلِكُ لِتَنفِيسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ لَاسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَأْمَلِكُ لِتَفْسِي السُّوءِ إِنَّ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ «Katakanlah: "Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman"» (Al-A'raf: 188). Dan firman Allah: قُلْ إِنَّمَا أَدْعُوا

رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا «Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah beribadat kepada Tuhanku semata-mata, dan aku tidak mempersekutunya dengan sesiapa pun"». Dan firman Allah: قُلْ إِنِّي لَا

أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا «Katakanlah lagi; Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sebarang mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan sebarang kebaikan bagi kamu». (Al-Jin: 20, 21)

Tidak dibenarkan untuk menyentuh dinding Kaabah atau menciumnya atau sujud di situ.

Disunatkan juga bagi orang yang berada di Madinah sama ada penduduk tetap atau pelawat untuk melawat Masjid Quba' dan bersolat di sana. Dari Abdullah bin Umar RA katanya: *Rasulullah SAW datang ke Masjid Quba' menaiki tunggangan atau berjalan kaki. Maka baginda akan solat dua rakaat.*¹

Disunatkan juga menziarahi kubur Baqi', memberi salam kepada para sahabat yang dikuburkan di sana seperti Uthman bin Affan RA dan lain-lain. Begitu juga disunatkan menziarahi para syuaha' Uhud untuk memberi salam kepada mereka dan mendoakan mereka dengan mengamalkan sunnah dan mengambil pengajaran serta iktibar.

Rasulullah SAW mengajar kita ketika menziarahi kubur. Dari Buraidah bin Al-Husaib katanya: *Rasulullah SAW mengajar kami apabila ke kubur bacalah: السَّلَامُ عَلَيْكَ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ لَآحِقُّونَ، أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكَ الْعَافِيَةَ*.² Dari Aishah RA bahawa Rasulullah SAW ketika menziarahi Baqi' baginda membaca: *السَّلَامُ عَلَيْكَ دَارِ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَأَتَاكُمْ مَا تَوَعَدُونَ غَدًا، مُؤْجِلُونَ وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَآحِقُونَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِأَهْلِ بَقِيعِ الْغَرْقَدِ.*³

¹ Diriwayatkan oleh Al-Bukhari (1193) dan Muslim (1399).

² Diriwayatkan oleh Muslim (975).

³ Diriwayatkan oleh Muslim (974).

Demikianlah sunat dilakukan ketika menziarahi kubur. Manakala berdoa kepada si mati atau memohon pertolongan dengan mereka atau memohon syafaat, bertawassul dengan mereka atau tawaf di kubur dan berada lama di kubur semuanya merupakan perkara baharu yang ditegah dan terdiri daripada amalan bidaah ketika menziarah bahkan sesetengahnya dianggap syirik seperti berdoa kepada si mati dan memohon bantuan darinya.

Adapun menziarahi sesetengah masjid dan tempat-tempat tertentu dengan iktikad untuk solat dan mengambil fadilat daripadanya selain daripada Masjid Nabawi dan masjid Quba' maka tiada asalnya dan tiada dalil yang mengharuskan ziarah atau solat padanya atau memuliakannya. Semuanya ialah perkara baharu dalam agama.

Selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad dan keluarga baginda serta para sahabat.

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	3
Bab Pertama: Definisi Haji, Hukum dan Hikmah Pensyariatannya.....	5
Bab Kedua: Perjalanan Haji dan Adab-adabnya	8
Bab Ketiga: Syarat Mengerjakan Haji	13
Bab Keempat: Mawaqit (Miqat) Haji dan Umrah	19
Bab Kelima: Jenis-jenis Haji	25
Bab Keenam: Sembelihan dalam Haji dan Sifatnya	29
Bab Ketujuh: Perkara-perkara Dilarang Semasa Ihram.....	34
Bab Kelapan: Fidyah Bagi Kesalahan Semasa Ihram.....	48
Bab Kesembilan: Sifat Umrah	53
Bab Kesepuluh: Rukun dan Wajib Haji	72
Bab Kesebelas: Sifat Haji	82
Bab Kedua Belas: Menziarahi Masjid Nabawi	110
Isi Kandungan	120

